

BAB 5

ANALISIS KAJIAN: PENERIMAAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN TERHADAP NILAI ETIKA KEKELUARGAAN KONFUSIANISME

Sebagaimana yang dibincangkan dalam bab yang sebelumnya, memang tidak boleh dinafikan bahawa nilai etika kekeluargaan Konfusianisme berperanan dalam masyarakat tradisi orang Cina di Malaysia. Akan tetapi, bagaimana dengan masyarakat Cina di Malaysia pada hari ini? Setelah orang Cina berabad-abad bertapak di Malaysia, adakah mereka masih menerima, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai tersebut? Hal ini merupakan satu persoalan yang signifikan untuk dikaji.

Dalam bab ini, 2 kertas soal selidik disediakan untuk meninjau pegangan nilai dan amalan Konfusianisme oleh penduduk di kawasan kajian. Kajian ini memilih secara rambang 127 sampel daripada penduduk Kampung Cina di Kota Bharu, Kelantan. Antaranya, sebanyak 104 sampel yang lengkap menjawab kesemua soalan diambil bagi tujuan penganalisisan.

Seperti yang dimaklumkan, kajian ini memokus untuk meninjau bagaimana nilai etika Konfusianisme diterima, dihayati dan diamalkan oleh kategori "keturunan Kapitan" (K), akan tetapi, untuk tujuan bandingan, dua set kertas soal selidik ini juga diedarkan kepada penduduk Kampung Cina yang bukan berasal daripada keturunan keluarga Kapitan. Kumpulan responden ini dikenali sebagai kategori "bukan keturunan Kapitan" (B).

Keseluruhannya, sampel ini mengandungi 54 orang responden K (24 lelaki [L] dan 30 perempuan [P]) dan 50 orang responden B (23 L dan 27 P). Dari segi umur, pembahagiannya adalah seperti berikut:

Jadual 4: Bilangan responden mengikut keturunan, jantina dan umur

Umur (tahun)	K		B	
	L	P	L	P
(1) 10-29	5	10	5	10
(2) 30-49	10	10	10	10
(3) 50-69	6	6	4	4
(4) 70-89	3	4	4	3
Jumlah	24	30	23	27

Petunjuk: (1) 10-29: golongan muda (2) 30-49: golongan pertengahan

(3) 50-69: golongan tua (4) 70-89: golongan tertua

Dalam usaha untuk meninjau sejauh manakah penerimaan, penghayatan serta pengamalan nilai etika kekeluargaan Konfusianisme di kalangan K dan B , kertas soal selidik yang dibina berdasarkan nilai etika kekeluargaan Konfusianisme telah dibahagikan kepada dua bahagian yang besar.

Bahagian pertama ialah kertas 1 yang meliputi 40 soalan. Kertas ini berkehendakkan responden menjawab setakat mana mereka setuju dengan pernyataan-pernyataan yang dikemukakan:

0=tidak setuju; 1=kurang setuju; 2=lebih setuju; 3=amat setuju

Bahagian kedua pula ialah kertas 2 yang merangkumi 44 soalan di mana bagi setiap soalan, responden perlu jawab dua perkara, iaitu (a) sejauh mana pentingnya nilai-nilai itu dan (b) sejauh manakah nilai-nilai itu diperlakukan dalam kehidupan harian responden itu sendiri. Pemilihan jawapan adalah seperti berikut:

2(a): 0=tidak penting; 1=kurang penting; 2=lebih penting; 3=amat penting

2(b): 0=tidak pernah; 1=kadang-kadang; 2=selalu; 3=kerap kali;

X=soalan tidak sesuai untuk diri responden

Penganalisisan dan perbincangan secara dasarnya akan berkisar pada sebarang persamaan dan perbezaan peratusan yang diperlihatkan oleh K atau B. “Umur” menjadi pembolehubah yang penting untuk meninjau sebarang perubahan pandangan yang wujud bagi kategori responden yang berlainan usianya.

Seperti yang disebutkan di atas, responden dibahagikan kepada 4 kategori umur, iaitu: (1) 10-29 tahun (golongan muda); (2) 30-49 tahun (golongan pertengahan); (3) 50-69 tahun (golongan tua); (4) 70-89 tahun (golongan tertua). Dalam perbincangan, golongan tua dan golongan tertua sering digabungkan untuk dibincang bersama.

Secara keseluruhannya, soalan dalam kertas soal selidik membincangkan empat aspek utama seperti berikut: Pertamanya “kepentingan keluarga” yang melibatkan pendapat responden mengenai kehidupan keluarga, contohnya perlukah seseorang meluangkan masa yang lebih untuk bersama keluarganya, terutamanya pada hari perayaan; soalan juga bertanya tentang keharmonian dalam keluarga, pemeliharaan kepentingan ahli keluarga dan sebagainya.

Keduanya berkenaan pegangan nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa iaitu “berbakti kepada ibu bapa dan penyembahan nenek moyang” . Soalan-soalan termasuk pemeliharaan ibu bapa, tidak menjatuhkan nama baik ibu bapa, menghormati pendapat ibu bapa, tidak menjelajah jauh jika ibu bapa masih hidup, mewarisi pekerjaan atau cita-cita ibu bapa dan sebagainya.

Ketiganya “hubungan antara manusia” yang melibatkan dua bahagian iaitu hubungan dengan “orang sendiri” yang merujuk ahli keluarga dan saudara mara serta hubungan dengan “orang luar” yang merujuk sahabat handai. Bahagian ini menyentuh bahawa jika seseorang berada dalam kesusahan, maka “orang sendiri” nya akan sedia membantu kerana mereka ialah orang yang paling rapat dengannya. Di samping itu, bagi hubungan dengan “orang luar” , soalan ditanya sama ada seseorang itu seharusnya tidak banyak bergaul dengan jiran untuk mengelakkan perselisihan; soalan juga tanya sama ada persahabatan antara kawan dapat berkekalan disebabkan wujudnya kepercayaan (*xin*) antara satu sama lain.

Aspek keempat iaitu “kepatuhan kepada autoriti lelaki dan kedudukan wanita” . Bahagian ini cuba meninjau autoriti bapa, autoriti suami dan autoriti orang tua (contohnya datuk sebagai orang tertua dalam keluarga) dalam sesebuah keluarga. Dalam hal ini, antaranya ditinjau sama ada seseorang anak boleh menyuarakan ketidaksetujuan atau ketidakpuasan terhadap ibu bapa mereka; sama ada wanita harus menuruti kata-kata suami mereka setelah berkahwin; sama ada seseorang ibu mempunyai autoriti yang sama seperti seorang bapa dan sebagainya.

Di samping itu, kedudukan wanita masa kini juga ditinjau iaitu soalan berkisar pada sama ada anak perempuan kurang penting jika dibanding anak lelaki; wanita yang berkahwin seharusnya menjadi suri rumah tangga semata-mata; wanita tidak

perlu menerima banyak pendidikan; keupayaan wanita kurang jika dibanding lelaki, contohnya dalam bidang politik. Juga, soalan menyentuh aspek kesucian wanita seperti adakah hukuman yang berat harus dikenakan ke atas isteri yang tidak setia kepada suami dan adakah kahwin semula bagi wanita dibenarkan.

5.1 Penerimaan Nilai Etika Kekeluargaan Konfusianisme¹¹⁰

Dalam meninjau keputusan kertas 1¹¹¹, kesemua 40 soalan diklasifikasikan ke dalam 5 kategori, iaitu:

5.1.1 Berbakti kepada ibu bapa

5.1.2 Mematuhi autoriti

5.1.3 Hubungan antara manusia:

(a) Hubungan dengan “orang sendiri”

(b) Hubungan dengan “orang luar”

5.1.4 Kedudukan wanita:

(a) Perbezaan antara lelaki dengan wanita (b) Kesucian wanita

5.1.5 Pendidikan

5.1.6 Lain-lain nilai etika

¹¹⁰ Bagi kata-kata singkatan (contohnya PK1 mewakili golongan muda perempuan keturunan manakala LB4 mewakili golongan tertua lelaki bukan keturunan) dan peratusan yang disebut dalam Bab 5.1 dan Bab 5.2, sila rujuk kepada Lampiran 1.1 dan Lampiran 1.2.

¹¹¹ Perhatian: Kesemua keputusan yang diperolehi daripada kertas soal selidik telah dihitungkan jumlah peratusan setuju serta peratusan pentingnya dan dimasukkan ke dalam bentuk jadual dalam Lampiran 1.1 dan Lampiran 1.2.

5.1.1 Berbakti Kepada Ibu Bapa

Berbakti kepada ibu bapa mempunyai pelbagai dimensi dan pelbagai cara. Dalam kebudayaan Konfusianisme, cara berbakti kepada ibu bapa yang terpenting tidak lain tidak bukan ialah seperti kehendak Pernyataan 3 (P3) iaitu “pemeliharaan terhadap ibu bapa tidak harus melibatkan apa-apa syarat” .

Dalam hal ini, K menunjukkan pegangan yang lebih kuat jika dibanding B, iaitu 88.9% berbanding 80%. Mengikut perkembangan umur, K menunjukkan semua lebih setuju dan amat setuju kecuali golongan tertua (57.1%). Golongan tertua ini nampaknya kurang setuju dengan pemeliharaan yang tanpa apa-apa syarat.

Di Taiwan, soalan yang lebih kurang sama diberi oleh Chen Shuqiong 陈淑琼 untuk respondennya di Kaohsiung 高雄. Soalan itu berbunyi: “Jika ibu bapa tidak melayani anak-anak dengan baik, anak-anak tidak perlu berbakti kepada ibu bapa.” (假如父母对子女不好，子女就可以不孝。) Antaranya, peratusan setinggi 82% tidak setuju dengan kenyataan itu (Yu Dehui & Lin Liyun, 1991: 98). Keputusan ini secara tidak langsungnya menunjukkan orang di Kaohsiung sama seperti orang Kampung Cina, juga berpendapat bahawa “amalan berbakti kepada ibu bapa tidak harus ada syaratnya” .

Dengan itu, apabila ditanya secara sebaliknya seperti P4: “Pemeliharaan terhadap ibu bapa mempunyai syaratnya, iaitu mereka telah membesar kita.” Ramai responden menyatakan mereka kurang pasti dengan kehendak soalan.

Ekorannya, penerangan lanjut dibuat untuk menjelaskan kehendak soalan, iaitu “sejak kecil lagi, kita sentiasa dididik untuk berbakti dan menghormati kepada ibu bapa kerana mereka ialah orang yang membesar kita. Akan tetapi, apa yang patut kita lakukan jika ibu bapa kita tidak menjalani tanggungjawab sebagai ibu bapa? Adakah kita perlu berbakti kepada ibu bapa kita dalam keadaan sedemikian? Jika tidak, maka dikatakan amalan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa itu wujud syaratnya.” Selepas penjelasan ini, K memberi persetujuan¹¹² 46.3% manakala B 34%.

Dengan lain perkataan, mereka yang setuju berpendapat seseorang anak akan membala budi ibu bapa kerana ibu bapa ialah orang yang membesarinya. Jadi, pembalasan budi ini ada syarat-syaratnya, iaitu ia dipengaruhi oleh faktor “ibu bapa membesarakan anak” . Sebagai contoh, jika hubungan antara ibu bapa dengan anak kurang mesra akibat daripada suatu perselisihan, atau anak-anak berpendapat ibu bapa tidak menjalani tanggungjawab membesarakan anak, maka pembalasan budi terhadap ibu bapa akan dikurangkan juga (Yu Dehui, 1993: 30).

Keseluruhannya, K mempunyai peratusan setuju yang lebih tinggi daripada B, melainkan golongan tua (K3) mencapai 16.7%. Perbezaan yang amat besar wujud antara golongan tertua K4 dengan golongan tertua B4, iaitu 71.4% berbanding 14.3%. Jadi, dikatakan responden K lebih mementingkan konsep “apa yang diberi seharusnya setimpal dengan apa yang diterima” , iaitu bukan sekadar memberi sahaja.

Bagi Konfusius, pengekalan hubungan yang baik antara adik-beradik merupakan salah satu cara berbakti kepada ibu bapa mereka (Lin Anhong, 1992: 132).

¹¹² Apabila istilah “peratusan persetujuan” atau “peratusan setuju” diguna, ia sentiasa merujuk gabungan “peratusan lebih setuju” dan “peratusan amat setuju” .

Konfusius dalam *Lunyu* pernah mengambil kata-kata *Shangshu* 尚书 iaitu:

“Berkenaan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa, salah satu caranya ialah berbaik-baik antara adik-beradik.” (孝乎！惟孝友于兄弟。) (*Lunyu*: 2.21)

Dalam ajaran keluarga, adik-beradik sering diseru untuk berbaik-baik antara satu sama lain kerana ini menunjukkan sikap yang berbakti kepada ibu bapa (和睦兄弟就为孝) (“Quanbao Qin · en Pian” “劝报亲恩篇” [Nasihat Membalas Budi Ibu Bapa]).¹¹³ Adik-beradik jika tidak bergaduh, maka ibu bapa akan berasa gembira (兄弟和睦爹娘悦) (“Quanbao Qin · en Pian”).

Dengan itu, P21 ditanya untuk menguji sama ada responden berbakti kepada ibu bapa dalam erti kata yang sebenar, iaitu “mengelakkan diri daripada bergaduh dengan adik-beradik di depan ibu bapa” sebagai salah satu cara berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa yang boleh dipraktikkan semasa ibu bapa masih hidup. K setuju dengan 79.6% dan B memberi peratusan yang lebih tinggi, iaitu 86%. Ini bererti B menunjukkan persetujuan yang lebih dari segi penghormatan kepada ibu bapa.

Dari segi perkembangan umur, semua golongan bagi K setuju (melebihi 80%) melainkan golongan muda hanya setuju 66.7%. Keadaan yang sama berlaku pada golongan tertua PB, iaitu setuju 67% sahaja.

¹¹³ “Quanbao Qin · en Pian” boleh didapati dalam Wen Shao · an, 1995: 73; selain itu, Li Yuxiu 李毓秀 dalam *Dizigui* 弟子规 (Peraturan Anak Murid) juga memberi fakta yang sama iaitu “adik-beradik berbaik-baik, amalan berbakti kepada ibu bapa sudah wujud.” (兄弟睦，孝在中。) *Dizigui* ialah sebuah bahan bacaan asas kanak-kanak bagi peringkat permulaan pendidikan. Ia diubahsuai oleh Li Yuxiu (seorang ahli Konfusian dinasti Qing) daripada karya Zhu Xi (tokoh Konfusianisme yang agung pada dinasti Song) yang bertajuk *Tongmeng Xuzhi* 童蒙须知 (Pengetahuan Asas Pendidikan Kanak-kanak). Ringkasnya, *Dizigui* telah membolehkan nilai etika Konfusianisme dikemukakan dengan cara yang mudah difahami berbanding teks asalnya agar kanak-kanak yang baru memulakan pendidikan dapat menghayatinya dengan senang (Liu Dazhi, 1992: 141). *Dizigui* boleh didapati dalam Liu Dazhi, 1992: 139-150 atau Wen Shao · an, 1995: 52-63; *Tongmeng Xuzhi* pula boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 950-953.

Bagi mereka yang tidak berbakti kepada ibu bapa, adakah mereka akan menerima balasan buruk? Dalam masyarakat Cina, konsep “buat baik dapat balasan baik; buat jahat dapat balasan jahat” (善有善报, 恶有恶报) (Zhou Xitao 周希陶,¹¹⁴ *Chongding Zengguang Xianwen* 重订增广贤文 [Penyusunan Semula Kitab Mulia untuk Meluaskan Pengetahuan]) sudah wujud sejak zaman purba lagi di negara China dan konsep ini mendapat perkembangan yang pesat terutamanya di bawah ajaran Buddha (Liu Daochao, 1991: 1-10).

Ahli-ahli Konfusianisme banyak membincang konsep “balasan” ini dalam ajaran keluarga. Liu Qingzhi dalam *Jiezi Tonglu* menyimpan kata-kata Fan Zhongyan 范仲淹 (989-1052)¹¹⁵ bahawa “sejak zaman nenek moyang lagi, mereka melakukan perkara-perkara bermoral selama lebih daripada seratus tahun, kini sampai saya, barulah kekayaan diperolehi dan menjadi pegawai besar.” (自祖宗以来，积德百余年而始发于吾，得至大官。)

Selain itu, Sima Guang dalam *Jiafannya* juga memuji bahawa dinasti Zhou dapat memerintah selama 800 tahun adalah disebabkan jasa nenek moyang mereka dalam melakukan perkara-perkara bermoral (积德累功). Di samping itu, Zhu Bolu

¹¹⁴ Zhou Xitao ialah seorang pengajar yang hidup pada dinasti Qing, latar belakang yang lain tidak diketahui. Sebenarnya *Zengguang Xianwen* (Teks Mulia Meluaskan Pengetahuan) ini telah dihasilkan buat jangka masa yang lama sebelum Zhou Xitao menyuntingnya semula. Penulis asal bagi *Zengguang Xianwen* tidak diketahui. Tujuan Zhou Xitao menyunting buku ini ialah untuk memperbaiki tatabahasa ayat yang kurang betul dan menokok tambah ayat-ayat baru yang dianggapnya bermanfaat untuk orang ramai (Liu Dazhi, 1992: 63). *Chongding Zengguang Xianwen* boleh didapati dalam Liu Dazhi, 1992: 61-102.

¹¹⁵ Fan Zhongyan ialah seorang ahli politik dan juga seorang sasterawan yang terkenal dalam dinasti Song Utara. Semasa kecil, beliau hidup miskin tetapi mempunyai semangat yang kuat dalam menimba ilmu. Setelah berjaya dalam peperiksaan awam, beliau diberi peluang untuk memegang jawatan yang tinggi dalam kerajaan. Sumbangannya dalam bidang politik adalah cemerlang. Beliau juga terkenal dengan kata-katanya iaitu “berasa risau sebelum semua orang dalam dunia ini berasa risau dan berasa gembira setelah semua orang dalam dunia ini berasa gembira.” (先天下之忧而忧，后天下之乐而乐。) (Cong Yu, 1997: 290-291)

dalam *Zhijia Geyan* mengatakan: “Orang yang menikam orang lain dari belakang, maka malapetaka akan menimpa anak-cucunya.” (匿 惡 用 暗 箭, 祸 延 子 孙。)

Ajaran keluarga di atas semuanya cuba menjelaskan manusia yang berbuat baik akan mendapat balasan yang baik dan sebaliknya. Jadi, bagi aspek berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa, boleh dirumuskan juga bahawa jika seseorang itu tidak berbakti kepada ibu bapanya, maka, suatu hari nanti, beliau akan dapat balasan buruknya. Responden keseluruhannya setuju dengan konsep balasan iaitu K (81.5%) lebih percaya tentang hal ini berbanding B (70%). Dalam pada itu, K menunjukkan perkembangan peratusan dengan berkembangnya peringkat umur. Hal ini menunjukkan golongan yang lebih tua lebih mempercayai kepada konsep balasan kecuali LB4 (golongan tertua lelaki bukan keturunan).

Persetujuan yang paling kurang ialah LB1 (golongan muda LB) iaitu hanya setuju 20% sahaja. LB3 dan LB4 juga turut setuju 50% sahaja tentang hal balasan ini. Ini menampakkan ajaran Buddha tidak memberi pengaruh yang kuat kepada mereka walaupun ramai antara mereka mendakwa mereka beragama Buddha. Sebenarnya, kebanyakannya daripada mereka cenderung menyembah patung berhala Buddha dan jarang-jarang cuba memahami intipati sebenar agama Buddha.

Seterusnya, akan ditinjau sama ada orang kini masih memegang kepada pemikiran bahawa “memelihara anak adalah untuk jagaan masa tua” . P17 menyatakan idea ini sudah tidak sesuai lagi untuk zaman sekarang. K setuju 44.4% manakala B 38%. Kedua-dua peratusan ini tidak banyak berbeza. Oleh kerana keputusan soalan-soalan sebelum ini menunjukkan responden cenderung untuk berbakti kepada ibu bapa, jadi tidak hairanlah jika P17 mendapat peratusan persetujuan yang lebih rendah daripada responden.

Walau bagaimanapun, golongan muda K menunjukkan pandangan yang berbeza (46.7%) dengan golongan muda B (6.7%). Ini bererti golongan muda B lebih pasti dengan tanggungjawab sebagai seorang anak dan percayai ia masih sesuai untuk zaman sekarang. Golongan tertua secara umumnya kurang setuju iaitu mencapai peratusan setuju sebanyak 25% hingga paling tinggi 33% sahaja.

Di samping itu, LB1 dan PB1 memang tidak setuju iaitu peratusan setuju mereka ialah 0% dan 10% sahaja. Walau bagaimanapun, dalam temubual, ramai ibu bapa menyatakan mereka tidak berharap anak-anak untuk membalaik budi mereka; sebaliknya, sebagai ibu bapa, mereka mengharapkan anak-anak mereka akan dapat kesenangan hidup pada masa depan.¹¹⁶

Soalan seterusnya melibatkan adat berkabung (守孝). “Berkabung” merupakan suatu adat keluarga yang wajib dilaksanakan oleh ahli-ahli keluarga seseorang si mati pada zaman tradisi di negara China. Bagi adat berkabung ini, syarat-syarat yang berlainan dikenakan bergantung kepada berapa dekatnya hubungan seseorang ahli keluarga dengan si mati itu. Sebagai contoh, perkabungan yang paling berat (iaitu selama tiga tahun) dikenakan terutamanya ke atas mereka yang kematian ibu bapa (Yang Rufu, 1991: 84).¹¹⁷

¹¹⁶ Dalam masyarakat Cina Taiwan, reaksi yang berlainan diberi terutama oleh mereka yang berpendidikan dan berpendapatan tinggi di mana mereka menentang secara kuatnya pernyataan seperti “orang yang tidak berbakti kepada ibu bapa akan menerima balasan buruk” dan mereka juga tidak menerima pandangan bahawa “memelihara anak ialah untuk jagaan masa tua” (Yu Dehui, 1993: 45).

¹¹⁷ Adat berkabung ini terdiri daripada lima jenis caranya, masing-masing diwakilkan dengan lima jenis pakaian perkabungan. Antaranya, pakaian *zhancui* 斩衰 yang tidak dijahit tepi dipakai oleh mereka yang berkabung selama tiga tahun (anak berkabung untuk ibu bapa, cucu sulung berkabung untuk datuk atau isteri berkabung untuk suami); pakaian *qicui* 齋衰 yang dijahit tepi dipakai sama ada untuk setahun (cucu berkabung untuk datuk dan nenek, suami berkabung untuk isteri), lima bulan (cicit berkabung untuk ayah datuk dan nenek datuk 曾祖父).

Setelah ibu bapa meninggal dunia, adakah berkabung menunjukkan hati yang berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa? Bagi Konfusius, berkabung memang penting sekali dan tempoh masa berkabung haruslah berlanjutan sehingga tiga tahun. Anak murid Konfusius yang bernama Zai Wo 宰我 tidak sependapat dengan Konfusius, justerunya mengutarakan bantahannya kepada Konfusius iaitu tiga tahun berkabung terlalu lama, baginya berkabung setahun sudah memadai agar pembelajaran tatasusila (*li*) dan pembelajaran muzik (*yue* 乐) seseorang tidak terjejas. Konfusius amat marah dengan kata-kata Zai Wo dan suruhnya melakukannya jika beliau tenang untuk membuat sedemikian. Konfusius seterusnya mengatakan Zai Wo ialah orang yang tidak berperikemanusiaan kerana beliau tidak tahu menghargai kasih sayang pelukan ibu bapa yang diberi kepadanya selama tiga tahun setelah beliau dilahirkan (*Lunyu*: 17.21).

Berbanding pandangan Konfusius dengan pandangan Zai Wo, jelasnya pandangan Zai Wo lebih mendapat hati orang zaman ini. Di Kampung Cina, K dan B sama-sama kurang setuju dengan Pernyataan 19, iaitu hanya setinggi 25.9% dan 38% sahaja. Kebanyakan menyatakan sikap berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa perlu ditunjuk semasa ibu bapa masih hidup dan bukannya selepas mereka meninggal dunia.

Angka yang ekstrim wujud pada golongan tua, iaitu 0% bagi golongan tertua K (K4) dan golongan tua B (B3). Nampaknya, tradisi “berkabung” tidak mendapat hati mereka. Kebanyakan responden menyatakan “berkabung” itu tidak berguna, orang yang telah meninggal dunia tidak dapat tahu. Bagi mereka, yang penting ialah semasa hidup, bukan selepas mati.

母) dan sebagainya (不 绛 曰 斩 衷, 缪 之 曰 齐 衷, 论 衷 之 有 轻 重。) (*Youxue Gushi Qionglia*: “Jibing Sisang” “疾病死喪”). Juga rujuk daripada Liu Dazhi, 1992: 320.

Sebagai rumusannya, responden keturunan masih mempunyai pegangan yang kuat bahawa berbakti kepada ibu bapa adalah penting. Dalam pada itu, pemeliharaan terhadap ibu bapa diberi lebih kepentingan berbanding penghormatan dari segi tidak bergaduh di depan ibu bapa. Walau bagaimanapun, responden keturunan lebih menekankan amalan berbakti kepada ibu bapa semasa mereka masih hidup berbanding setelah mereka meninggal dunia. Selain itu mereka percaya bahawa jika seseorang itu tidak berbakti kepada ibu bapa, maka balasan yang buruk akan menimpa seseorang itu.

5.1.2 Mematuhi Autoriti

Sejak dahulu kala lagi, budaya Konfusianisme meletakkan kedudukan bapa di tempat yang paling tinggi dalam hierarki sebuah keluarga Cina. Seseorang bapa diberi autoriti yang sepenuhnya dalam semua hal keluarga. Persoalan di sini ialah: setelah berabad-abad berlalu, sejauh manakah autoriti bapa masih dipatuhi, dan bagaimanakah kedudukan seorang ibu jika dibanding seorang bapa?

P25 mengatakan walaupun bapa ialah ketua rumah, tetapi ibu mempunyai kuasa yang besar juga. K mencapai peratusan setuju setinggi 98.1% dan B 92%. Hal ini menunjukkan kedudukan ibu telah meningkat dan pada kebanyakan masa, ibu boleh membuat keputusan sendiri demi kepentingan keluarga.

Soalan ini mendapat persetujuan yang hampir sepenuhnya daripada kesemua responden. Responden begitu yakin dengan kuasa yang harus dipegang oleh seseorang ibu, dengan itu, kita boleh merumuskan bahawa wanita kini tidak lagi terkongkong di bawah kuasa kaum lelaki.

Kalau dilihat peratusan lebih setuju dan amat setuju, kesemua kategori hampir mencapai 100% kecuali LB1 menunjukkan 60% setuju sahaja. Ini bermakna anggapan orang ramai bahawa ibu kurang berkuasa nampaknya tidak benar dalam pandangan responden-responden tersebut.

Kini, dikatakan ibu bapa mempunyai autoriti yang seakan-akan sama dalam sesebuah keluarga. Anak-anak perlu mematuhi autoriti ibu bapa dalam banyak hal. Akan tetapi, jika ibu bapa melakukan kesalahan, bolehkah anak-anak menegur dan mencabar autoriti ibu bapa seperti yang dihuraikan dalam P14?

K dan B bersetuju dengan peratusan yang tinggi, iaitu 81.5% dan 84% masing-masing. Hal ini menjelaskan ibu bapa tidak lagi memiliki autoriti yang tidak terhingga ke atas anak. Anak-anak berani menegur dan menasihati ibu bapa jika didapati ibu bapa melakukan sesuatu yang tidak betul.

Keputusan yang mengejutkan datang daripada keempat-empat golongan tertua di mana mereka telah menunjukkan 100% lebih setuju dan amat setuju. Golongan tertua ini merupakan mereka yang berumur 70 tahun dan ke atas. Sebagai golongan yang lebih mendapat pengaruh daripada budaya tradisi, mereka seharusnya tidak akan menyokong pernyataan ini, tetapi kini, mereka menunjukkan pandangan yang amat tidak didugakan.

Bagi golongan muda dan golongan pertengahan, seperti yang dijangkakan, mereka yang lebih setuju berada antara 20% hingga 80% dan mereka yang amat setuju berada antara 0% hingga 60%. Hal ini menunjukkan bukan semua anak-anak yang bersedia menegur ibu bapa mereka.

Selain daripada ibu bapa, P13 dan P15 menyentuh tentang fungsi orang tua dalam sesebuah keluarga. Orang tua di sini merujuk orang yang paling tua iaitu datuk dan nenek yang berusia tinggi dalam sesebuah keluarga. Dikatakan orang tua mempunyai autoriti tinggi yang tidak terhingga dalam sesebuah keluarga. Sebagai contoh, datuk dan nenek yang dihormati oleh anak dan cucu mempunyai suara yang lebih kuat dalam sesebuah keluarga, justerunya kata-kata mereka dipandang sebagai perintah yang perlu dituruti oleh semua orang dalam keluarga.

Dalam ajaran keluarga, nasihat diadakan bahawa “untuk membolehkan setiap hal dilakukan dengan baik, maka perlulah bertanya kepada orang tua.” (凡事要好，须问三老。)¹¹⁸ (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*) Dengan yang demikian, untuk elakkan daripada melakukan kesalahan dalam kehidupan, P13 dan P15 mencadangkan seseorang itu harus mengambil nasihat orang tua dan jika terdapatnya perbalahan dalam keluarga, mereka seharusnya dijadikan orang tengah dalam menyelesaikan masalah. Sejauh manakan kenyataan ini disetujui oleh responden?

Bagi P13, keseluruhannya tiada perbezaan yang besar antara pandangan K dengan B, iaitu sama-sama mencapai persetujuan sekurang-kurangnya 60%.

¹¹⁸ “Sanlao” (三老) sebenarnya ialah sejenis jawatan pegawai kerajaan yang disandang oleh orang tua yang sihat dan berpengalaman luas pada zaman tradisi. Tugas orang-orang tua ini ialah untuk membantu pegawai-pegawai yang lebih tinggi pangkatnya dalam melaksanakan hal-

Golongan tua yang lebih setuju dan amat setuju berada antara 50% hingga 100% manakala golongan muda dan pertengahan yang amat setuju berada antara 0% hingga 40%. Ini menunjukkan orang muda kurang mengambil berat terhadap kata-kata orang tua sebagai panduan hidup. Responden yang lebih berusia juga turut mengaku bahawa kata-kata orang tua kadang-kadang ada juga silap-salahnya, jadi bukan kesemua kata-kata orang tua boleh diikuti.

Ekorannya, apabila P15 mengatakan orang tua harus dipanggil untuk menyelesaikan perbalahan, maka K hanya setuju 50% manakala B setuju 56%. Persetujuan yang kurang datang terutamanya daripada golongan tertua. Keempat-empat kumpulan tertua memberi peratusan tidak melebihi 33.3% melainkan PK4, iaitu lebih setuju dan amat setuju dengan 75%.

Keputusan soalan-soalan di atas cenderung menunjukkan orang tua kini tidak lagi berwibawa seperti zaman tradisi. Pada zaman tradisi, orang tua mendapat penghormatan yang tinggi daripada golongan pemerintah hingga golongan rakyat biasa. Orang tua yang melebihi 50 tahun usianya akan diberi pemeliharaan yang khas oleh pihak kerajaan. Dari masa ke semasa, mereka akan dijemput untuk menghadiri jamuan makan dan minum. Dalam pada itu, upacara khas akan diadakan untuk menghadiahkan “tongkat” kepada orang tua mengikut umur mereka (年始七十者 授之于玉杖, 八十、九十礼有加。) (*Houhanshu* 后汉书 [Teks Dinasti Han Terkemudian]: “Liyizhi” “礼仪志” [Catatan Tatasusila]) (Yang Rufu, 1991: 178).

Jelasnya, orang tua zaman dahulu dan orang tua zaman ini mendapat layanan yang banyak berbeza. Ramai responden (termasuk responden tua sendiri)

hal politik dalam negara (Yang Rufu, 1991: 178). Umumnya, “sanlao” merujuk orang tua dalam masyarakat (Zhu Li, 1991: 51)

berpendapat, semakin tua seseorang itu, semakin turunnya keupayaan tidak kira dari segi mental atau fizikal. Jadi orang yang tertua jika dipanggil untuk mengadili sesuatu kadang-kadang adalah tidak sesuai.

Walau bagaimanapun, dalam keluarga keturunan Wee Chai, didapati orang tuanya amat disegani oleh anak dan cucu mereka. Contohnya, Tan Sin Jim dan Wee Yeu Hui sebagai ketua keluarga mempunyai kewibawaan yang tinggi dalam keluarga. Didapati ahli-ahli keluarga kedua-dua orang tua ini sentiasa bersikap bersopan-satun dan menunjukkan wajah yang riang apabila berdepan dengan mereka. Biasanya, sebelum sesuatu keputusan yang besar dibuat, nasihat dan pandangan orang-orang tua ini akan diambil sebagai panduan.

Sejak zaman Chunqiu lagi, perkahwinan anak-anak telah diwajibkan untuk diuruskan oleh ibu bapa dan dijalankan melalui tukang risik (媒人). Anak-anak tidak boleh memilih jodoh sendiri seperti yang disebut dalam *Kongzi Jiayu* 孔子家語 (Kata-kata Keluarga Konfusius): “Lelaki tidak boleh beristeri secara sendiri, perempuan tidak boleh bersuami secara sendiri, mestilah diuruskan oleh ibu bapa dan melalui proses risikan.” (男不自专娶，女不自专嫁，必由父母，须用媒妁。) (Li Xiaodong, 1986: 133)

Hal ini juga digambarkan dalam puisi “Nanshan” “南山” dalam *Shijing*: “Apa harus dibuat jika mengahwini seorang isteri? Mestilah memaklumkan kepada ibu bapa” (娶妻如之何? 必告父母); “Apa harus dibuat jika mengahwini seorang isteri? Tidak dibenarkan jika tiadanya tukang risik.” (娶妻如之何? 匪媒不得。)

Jelasnya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam hal-hal perkahwinan anak-anak. Mereka berkuasa untuk mengawal sepenuhnya perkahwinan

anak-anak. Ekorannya, muda-mudi tidak dapat bergaul secara bebasnya antara satu sama lain. Kawalan ini diadakan untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini daripada berlaku, contohnya mengelakkan golongan perempuan daripada hilang kesucian diri (Luo Shijin, 1994: 99-100).

Hari ini, keadaan telah berubah. Dikatakan orang muda kini bukan sahaja mempunyai kebebasan untuk mencari jodoh, bahkan ada yang langsung tidak berbincang atau mendapat sebarang nasihat ibu bapa dalam perkahwinan mereka. Responden diuji sejauh mana mereka menyetujui cara sedemikian. K dan B nampaknya masih berpegang teguh kepada tradisi dan tidak memandang cara sedemikian sebagai cara yang patut. Mereka hanya setuju dengan peratusan 22.2% dan 26% sahaja.

Golongan tertua B (B4) memberi persetujuan yang luar biasa (setinggi 85.7%) jika dibanding dengan pandangan kumpulan lain yang cenderung tidak setuju atau kurang setuju (6.7% hingga 41.7% sahaja yang lebih setuju dan amat setuju). Ini menunjukkan B4 kelihatan amat tidak setuju dengan cara ibu bapa yang mengambil bahagian atau campur tangan dalam hal-hal perkahwinan anak-anak. Keputusan ini seakan-akan menandakan pemikiran golongan tertua B “lebih maju” daripada orang muda.

Dalam sesebuah keluarga Cina, ibu bapa biasanya mempunyai autoriti yang tinggi kerana ibu bapa merupakan orang yang mencari nafkah hidup untuk menyara perbelanjaan sesebuah keluarga. Bagaimana jika ibu bapa mencapai usia tua dan sampai giliran anak-anak untuk membayai perbelanjaan sesebuah keluarga? Adakah ini bererti ibu bapa bukan lagi ketua keluarga kerana mereka tidak lagi mempunyai autoriti dalam keluarga?

Bagi K, responden yang setuju dengan P6 amat kurang sekali iaitu hanya 3.7%. B pula mencapai peratusan persetujuan sebanyak 20% sahaja menunjukkan autoriti ibu bapa tidak harus dikurangkan walaupun mereka bukan penyumbang kewangan dalam keluarga itu. Antara K dengan B, responden K mempunyai pegangan yang lebih kuat bahawa autoriti perlu dikekalkan pada ibu bapa mereka.

Bantahan yang paling kuat datang daripada perempuan keturunan (PK) di mana semua responden ini tidak kira apa peringkat umur membantah kenyataan di atas secara 100%. Walau bagaimanapun, mereka yang amat setuju dengan kenyataan di atas juga datang daripada kaum wanita, iaitu daripada responden bukan keturunan PB3 (25%) dan PB4 (33%). Selain daripada dua kumpulan ini, tiada sebarang orang lain yang amat setuju dengan P6 ini. Merujuk pandangan sesetengah golongan tua, jika sudah mencapai usia tua, biarlah anak-anak yang menguruskan hal rumah tangga, mengapa berebut-rebut untuk berkuasa lagi?

Secara keseluruhannya, bagi bahagian ini, kita boleh merumuskan bahawa terdapatnya suatu prinsip yang tersembunyi dalam pegangan nilai responden-responden, iaitu kebanyakan daripada mereka tidak lagi mematuhi kepada autoriti secara membabi buta atau secara dipaksa. Pandangan etika mereka telah mengalami perubahan iaitu cenderung berubah dari “prinsip etika yang berorientasikan kehendak orang lain” (他律性的道德原则 atau *heteronomous morality*) kepada “prinsip etika yang berorientasikan kehendak diri-sendiri” (自律性的道德原则 atau *autonomous morality*) (Yang Guoshu, 1992: 51-53).

Berdasarkan orientasi etika yang mementingkan kehendak individu, maka anak-anak tidak lagi mematuhi kata-kata atau arahan ibu bapa semata-mata kerana

faktor autoriti ibu bapa. Juga, jika ibu bapa melakukan kesalahan, anak-anak boleh menyuarakannya agar ia diperbetulkan. Sebaliknya, jika prinsip “orientasi etika yang berdasarkan orang lain” diamalkan, maka anak-anak akan mematuhi kehendak-kehendak ibu bapa tanpa sebarang bantahan, dan jika ibu bapa bersalah, biasanya mereka tidak berani untuk menyuarakannya.

Jelasnya, suatu hakikat yang perlu kita terima ialah bahawa autoriti yang dipegang oleh ibu bapa memang semakin hari semakin kurang jika dibanding dengan masa tradisi. Salah satu faktor yang mempengaruhi kejadian ini di Kampung Cina ialah aspek pendidikan. Secara amnya, ibu bapa mereka menerima pendidikan yang kurang jika dibanding dengan anak-anak yang berusia muda. Dalam keadaan ini, didapati anak-anak kurang mendengar kepada nasihat atau kata-kata ibu bapa kononnya pendapat ibu bapa tidak bernilai.

Hal ini lebih kerap diperhatikan pada keluarga bukan keturunan. Pengkaji telah melihat dengan mata sendiri seorang pemuda lepasan universiti yang balik bercuti di Kampung Cina memarahi ibu bapanya kerana cuba memanggilnya mengisi kertas soal selidik pengkaji. Bapa pemuda ini seorang guru sekolah rendah yang amat terkenal di Kota Bharu tetapi nampaknya beliau tidak dapat kawal anaknya dengan kuasa seorang bapa. Bagi sebuah keluarga yang lain pula, seorang pelajar sekolah menengah menegur kata-kata ibunya secara menjerit dan membala apa yang dicakap oleh ibunya dengan kata-kata yang kasar. Kesemua kejadian ini menandakan ibu bapa tidak lagi mempunyai kedudukan yang tinggi dalam hati anak-anak.

Walau bagaimanapun, dalam keluarga keturunan Kapitan Wee Chai pula, pemerhatian yang dijalankan memperlihatkan ketua-ketua keluarga seperti Tan Sin Jim dan isterinya, Wee Keng Lam dan isterinya, Cheah Phee Thiam dan isterinya, serta

Wee Yeu Hui dan isterinya mempunyai kuasa yang tinggi dalam keluarga masing-masing. Hal ini mungkin disebabkan faktor usia, iaitu mereka yang lebih berusia akan diberi penghormatan yang lebih oleh anak dan cucu mereka, justerunya kata-kata mereka memang dituruti tanpa sebarang bantahan. Sebagai contoh, keizinan untuk melakukan pemerhatian di rumah mereka dipersetujui oleh orang-orang tua ini dan bukannya anak-anak mereka yang sudah juga menjadi bapa orang.

5.1.3 Hubungan antara Manusia

Budaya Konfusianisme amat mementingkan hubungan antara manusia. Hubungan sesama manusia ini secara kasarnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertamanya, hubungan dengan “orang sendiri” (terdiri daripada ahli keluarga dan saudara mara) dan keduanya, hubungan dengan “orang luar” (terdiri daripada kawan-kawan).

5.1.3 (a) Hubungan dengan “Orang Sendiri”

Hubungan yang paling erat antara manusia seharusnya berlaku dalam sesebuah keluarga, iaitu antara ahli keluarga. Pertamanya, cuba kita lihat hubungan adik-beradik. Hubungan adik-beradik yang dipuji dalam ajaran keluarga ialah “abang menyayangi adik dan adik mematuhi kepada abang” (兄友弟恭)¹¹⁹ atau “abang berperikemanusiaan dan adik menghormati abang” (兄仁弟悌).

¹¹⁹ Hubungan adik-beradik ini dirujuk daripada *Dizigui*: “兄道友，弟道恭” dan *Sanzijing*: “兄则友，弟则恭。”

Adik-beradik merupakan mereka yang mempunyai pertalian darah yang sama kerana berasal daripada bapa atau ibu yang sama. Sejak kecil lagi, mereka hidup bersama, iaitu makan bersama, tidur bersama, bermain bersama dan dibesarkan pada masa yang sama. Ekorannya, orang sentiasa mengibaratkan hubungan adik-beradik seperti “tangan dan kaki” bagi satu anggota badan (乃兄乃弟，如手如足。). Ini bererti adik-beradik sentiasa bergantung kepada satu sama lain.

Akan tetapi, memang tidak dapat dinafikan bahawa perselisihan antara adik-beradik adalah ketara dalam sesebuah keluarga, terutamanya keluarga yang besar (Cong Yu, 1997: 111). Perselisihan biasanya akan membawa kepada pertengkaran, pertengkaran mungkin akan membawa kepada keretakan yang melibatkan penganiayaan antara satu sama lain seperti apa yang disebut dalam ajaran keluarga: “Mengguna batang kacang untuk memasak kacang, ini bererti adik-beradik saling menganiayai antara satu sama lain.” [(煮豆燃萁, 谓其相害。) (*Youxue Gushi Qionglin*: “Xiongdi” “兄弟”); (骨肉相残, 煮豆燃萁。) (*Zhou Xitao, Chongding Zengguang Xianwen*)]

Yuanshi Shifan ada membincangkan punca percaduhan bagi adik-beradik. Puncanya banyak, antaranya ialah (1) terdapat salah seorang adik-beradik yang ingin mendapat lebih bila pembahagian suatu benda dijalankan, bila adik-beradik lain berasa tidak adil, maka percaduhan bermula (或众有所分, 在己必欲多得, 其他心不能平, 遂启争端。). (2) Wujudnya abang yang cuba menindas adik-beradik dengan menggunakan tabung keluarga secara sewenang-wenangnya (长者或恃长凌轹卑幼, 专用其财, 自取温饱, 因而成私。). (3) Terdapatnya saudara tua yang sengaja merahsiakan catatan jumlah pendapatan dan perbelanjaan dalam buku kira-

kira (簿书出入，不令幼者预知) dan lain-lain punca lagi (Yuan Cai, *Yuanshi Shifan*: “Muqin”).

Faktor lain yang membawa kepada masalah ini ialah kerana adik-beradik mungkin berasal daripada ibu yang tidak sama disebabkan golongan lelaki pada zaman tradisi memang dibenarkan untuk beristeri dua atau tiga (Wang Weiling & Wang Dingxiang, 1992: 91). Anak yang berasal daripada ibu dan bapa yang sama digelar *dixiongdi* 嫡兄弟 (adik-beradik kandung atau 胞兄弟) manakala anak yang bapa sama tetapi ibu tidak sama dipanggil *shuxiongdi* 庶兄弟 (Li Xiaodong, 1986: 87).

Bagi ibu yang tidak sama, kasih sayang yang lebih biasanya akan dicurahkan kepada anak yang dilahirkan sendiri, dengan itu sikap berat sebelah akan berlaku (异母偏爱之私) (*Zupu Jiaxun Jicui* 族谱家训集粹: “Qi Jiazheng” “齐家政” [Membangunkan Pentadbiran Keluarga]). Ekorannya, hubungan antara *dixiongdi* dengan *shuxiongdi* tidaklah seerat seperti yang diharapkan. Pergaduhan timbul bila prinsip *xiong you di gong* 兄友弟恭 tidak dipatuhi iaitu mungkin abang tidak melayani adik dengan baik (凡为人兄，不友其弟者……) (Sima Guang, *Jiafan*: “Xiong” “兄”) atau adik tidak menghormati dan tidak patuh kepada kata-kata abang (为幼而悖慢其长者有之) (Yuan Cai, *Yuanshi Shifan*: “Muqin”).

Punca lain yang menyebabkan pergaduhan ialah berkenaan pembahagian harta pusaka. Seringkali, cara pembahagian itu menimbulkan masalah kerana pesanan cara pembahagian harta (tanpa bertulis) atau wasiat yang ditinggalkan oleh si mati kurang jelas atau pembahagiannya tidak dibuat secara sama rata. Dengan itu jika pembahagian harta pusaka dapat dibahagikan secara adil oleh ibu bapa, iaitu tiada keadaan berat sebelah berlaku, tambahan pula anak-cucu bekerja kuat dan tidak merayau-rayau, maka perbalahan tidak akan berlaku malah akan membawa

kemakmuran kepada keluarga (若父祖出于公心，初无偏曲，子孙能各戮力，不事游荡，则均给之后，既无争讼，必致兴隆。) (Yuan Cai, Yuanshi Shifan: “Muqin”).

P26 cuba membuat andaian bahawa walau macam mana sekali burukpun hubungan antara adik-beradik, ia tetap akan dipulihkan suatu hari nanti. K dan B menunjukkan peratusan setuju yang seakan-akan sama iaitu 88.9% dan 88%. Ini menandakan responden berkeyakinan bahawa pergaduhan antara adik-beradik tidak akan kekal lama, tetapi hanya untuk sementara waktu sahaja.

Bagi golongan muda dan pertengahan, pandangan yang positif diberi iaitu 85% hingga 100% lebih setuju dan amat setuju. Akan tetapi, perkembangan peratusan yang semakin menurun ditunjukkan oleh K mengikut perkembangan umur. Keadaan ini secara tidak langsungnya memaklumkan pengalaman hidup yang lebih panjang telah membolehkan orang tua melihat keretakan hubungan adik-beradik yang sukar dipulihkan.

Walau bagaimanapun, melihat pandangan golongan tertua secara berasingan bagi keempat-empat kumpulan, antaranya 3 kumpulan iaitu PK4, LB4 dan PB4 menunjukkan 100% lebih setuju dan amat setuju kecuali LK4 hanya 33.3% lebih setuju, di samping itu, kumpulan yang amat setuju ialah 0% bagi LK4. Peratusan 0% yang ekstrim bagi LK4 secara tidak langsungnya memaparkan kenyataan bahawa mereka sendiri berkemungkinan menghadapi masalah dalam hubungan dengan adik-beradik.

Selain daripada hubungan adik-beradik, hubungan dengan saudara mara juga amat diberi perhatian oleh orang Cina. Bagi orang Cina (merujuk selain daripada

penganut Kristian), apabila anak berkahwin, upacara perkahwinan yang melibatkan penyembahan nenek moyang mesti diadakan kerana ini ialah adat (*li*) masyarakat (Yang Rufu, 1991: 155). Dalam pada itu, upacara minum teh akan diadakan (Yang Rufu, 1991: 155) untuk membolehkan kedua-dua pihak pengantin baru berkenalan dengan saudara mara bagi keluarga kedua-dua pihak. Upacara ini dipandang sebagai tatasusila (*li*) masyarakat Cina yang tidak boleh dielakkan kerana ia merupakan satu penghormatan kepada saudara mara. Upacara minum teh dalam perkahwinan orang Cina juga dipandang sebagai salah satu cara untuk mengekal dan menjalin hubungan baik antara saudara mara.

Jadi, responden diuji pendapatnya sama ada upacara ini amat penting dan tidak boleh dielakkan. B lebih setuju, iaitu 74% berbanding K yang hanya mencatat 51.9%. Angka ini menunjukkan pemikiran orang Cina telah mengalami perubahan yang besar iaitu saudara mara tidak lagi berperanan penting dalam kehidupan mereka. Implikasinya didapati hubungan antara saudara mara semakin hari semakin renggang.

Walau bagaimanapun, golongan tertua bukan keturunan LB4 dan PB4 mempunyai pendirian yang tegas, iaitu 100% amat setuju untuk mengadakan upacara minum teh manakala golongan tertua keturunan LK4 dan PK4 tidak pula berpendapat sedemikian. Bagi LK4 dan PK4, mereka yang lebih setuju hanya mencapai 66.7% dan 50%, dan hairannya tiada seorang daripada mereka yang amat setuju untuk diadakan upacara minum teh.

Bagi golongan muda pula, mereka yang lebih setuju dan amat setuju mencapai 80% tetapi bagi golongan pertengahan, terutamanya bagi K, mereka yang tidak setuju dan kurang setuju mencapai setinggi 70%! Pandangan ini secara tidak langsungnya menandakan wujudnya kemungkinan bahawa upacara minum teh akan disingkirkan

daripada perkahwinan orang Cina suatu hari nanti. Jika ia benar-benar berlaku, maka perkahwinan bukan lagi peristiwa penting bagi sesebuah keluarga tetapi lebih merupakan hal peribadi kedua-dua orang kekasih sahaja.

Seterusnya, pernyataan yang dibincang berkisar pada “orang sendiri” . Bagi kebanyakan responden, definisi “orang sendiri” hanya terhad kepada ahli keluarga sendiri yang terdekat seperti ibu bapa dan adik-beradik sahaja tetapi tidak termasuk lingkungan saudara mara. Definisi “orang sendiri” yang diberi oleh responden menunjukkan peranan saudara mara semakin tipis pada zaman sekarang.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, definisi “orang sendiri” yang dibuat meliputi ahli-ahli keluarga dan saudara mara. Justerunya, responden perlu mengikut definisi ini bila menjawab soalan mengenai “orang sendiri” . P38 mengemukakan pernyataan bahawa “orang sendiri” lah yang paling boleh memberi bantuan jika seseorang berada dalam kesusahan (Cai Yongmei & Yi Qingchun, 1997: 138). K menunjukkan bantahannya iaitu hanya setuju sebanyak 42.6% berbanding B yang memberi peratusan setuju setinggi 76%.

Keputusan yang berbeza antara K dengan B mendedahkan suatu perkara, iaitu di dalam sesebuah keluarga yang besar seperti keluarga keturunan Kapitan, hubungan yang terjalin antara “orang sendiri” kebanyakannya tidak mesra. Salah satu puncanya ialah kerana kehidupan keluarga besar memang sentiasa menimbulkan banyak masalah seperti salah faham, perselisihan dan sebagainya. Tambahan pula, apabila keluarga besar melakukan pembahagian harta pusaka, ketidakpuasan seringkali akan timbul bagi sesetengah pihak. Apabila hubungan antara “orang sendiri” tidak mesra, maka tidak hairanlah jika bantuan tidak diberi sesama “orang sendiri” .

Seterusnya, untuk melihat secara lebih terperinci lagi hubungan antara “orang sendiri”, P37 direka untuk melihat sama ada “orang sendiri” lah yang paling boleh dipercayai (Cai Yongmei & Yi Qingchun, 1997: 138). Jawapannya, K masih kurang berkeyakinan, dengan itu mereka hanya setuju 35.2%, tetapi sekali lagi B menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 68%. Antaranya, LK4 iaitu golongan tertua keturunan memberi persetujuan 0% dan dari segi perkembangan umur, K memperlihatkan peratusan yang semakin menurun. Keputusan ini menyatakan golongan keturunan memang tidak memberi keyakinan kepada “orang sendiri”.

Bagi pandangan tradisi, perkahwinan sesama saudara mara ialah cara lain untuk mengeratkan lagi pertalian antara “orang sendiri”.¹²⁰ Faktor-faktor berikut merupakan sebab-sebab yang menggalakkan fenomena sedemikian: Pertamanya mengukuhkan lagi hubungan antara saudara mara (亲上加亲) (Yi Zhongtian, 1996: 255). Keduanya memudahkan lagi pembahagian harta pusaka dan ketiganya merupakan satu pampasan kepada adik-beradik perempuan yang telah dikahwinkan ke dalam keluarga orang lain (Cheng Li, 1998: 172). P36 ditanya untuk meninjau sejauh mana responden setuju tentang perkahwinan saudara mara ini. Rupa-rupanya K dan B dengan tegasnya amat tidak setuju dengan hal tersebut. Bagi K, peratusan setuju hanya mencapai 16.7% dan B 24%.

¹²⁰ Menurut catatan-catatan zaman purba, perkahwinan berasaskan hubungan pertalian darah pada asalnya berlaku di antara kumpulan adik-beradik lelaki (兄弟) dengan kumpulan adik-beradik perempuan (姐妹). Dengan yang demikian, semua anak yang dilahirkan akan memandang semua lelaki dewasa dalam kumpulan itu sebagai bapa mereka. Akan tetapi, setelah beberapa ribu tahun berlalu, perkahwinan yang berasaskan pertalian darah dikembangkan kepada perkahwinan antara anak-anak kepada adik-beradik lelaki dengan anak-anak kepada adik-beradik perempuan (表兄弟姐妹之间的婚姻) (Cheng Li, 1998: 172-174).

Keseluruhannya kebanyakan responden cenderung tidak setuju atau kurang setuju tentang P36. Antaranya LK3 mencatat 0% bagi peratusan setuju, begitu juga PK2, PB3 dan PB4. Responden seperti Wee Yeu Hui dan Kang Sin Khai berpendapat bahawa terdapat banyak kelemahan dan keburukan jika berkahwin sesama saudara mara. Walau bagaimanapun, bagi orang tertua (LB4 dan PK4), masih ada yang lebih setuju dan amat setuju sehingga 50% .

Sebenarnya, banyak kajian perubatan menunjukkan perkahwinan antara saudara mara membawa banyak keburukan. Ramai daripada anak-anak yang dilahirkan menghadapi masalah kesihatan, ada yang mengidapi penyakit yang serius sejak dilahirkan.¹²¹ Dalam keluarga keturunan Wee Chai, perkahwinan antara saudara mara memang kerap berlaku pada zaman tradisi (sila rujuk Bab 4 dan Lampiran 3). Tan Sin Jim, Tan Seng Giaw dan Wee Yeu Hui berasa syukur kerana keturunan Wee Chai sihat-sihat belaka. Sungguhpun demikian, mereka mengaku bahawa anak-anak yang dilahirkan daripada perkahwinan sesama “orang sendiri” kebanyakannya tidak begitu pintar atau bijak orangnya, iaitu keupayaan mental mereka sederhana sahaja.¹²²

5.1.3 (b) Hubungan dengan “Orang Luar”

Selain daripada hubungan dengan “orang sendiri” iaitu ahli keluarga dan saudara mara, hubungan bersama “orang luar” iaitu golongan kawan juga amat

¹²¹ Hari ini, di negara China, undang-undang diadakan untuk melarang perkahwinan antara saudara mara dalam lingkungan tiga generasi. Ini termasuk saudara mara yang berasal daripada datuk atau nenek yang sama (tidak kira “luar” atau “dalam”) (Cheng Li, 1998: 74).

¹²² Temubual dengan Tan Sin Jim, Tan Seng Giaw dan Wee Yeu Hui dijalankan di rumah Tan Sin Jim di Kampung Cina pada 30 Januari, 1997, jam 10 pagi.

dipentingkan dalam etika kekeluargaan Konfusianisme. Ini kerana seseorang itu tidak mungkin dapat elakkan diri daripada berhubung dengan orang lain di luar daripada lingkungan keluarga. Oleh kerana kawan boleh dipilih secara bebas oleh seseorang, maka setiap orang mempunyai panduan masing-masing dalam memilih kawan.

Bagi pemikiran Konfusianisme, kawan yang boleh dipercayai akan dipilih kerana pepatah Konfusianisme mengatakan kepercayaan harus wujud antara kawan dengan kawan (朋友有信). Konfusianisme sarankan seseorang itu harus menjalani tanggungjawabnya ke atas kawannya, iaitu membantu kawan bila kawan berada dalam kesusahan, mengekalkan hubungan persahabatan tanpa melihat faktor kekayaan atau kemiskinan seseorang itu (Cheng Li, 1998: 200).

Xin 信 dalam pemikiran Konfusianisme mempunyai dua maksud, iaitu “mempercayai” (*xinren* 信 任) dan “menunaikan apa yang telah dijanjikan” (*xinyong* 信 用) (Zhu Bokun, 1984: 36). Hal ini diperhatikan daripada ucapan anak murid Konfusius, Zixia 子夏 (507 S.M. - ?) yang berbunyi: “Apabila berhubung dengan kawan, menunaikan kata-kata yang dijanjikan.” (与朋友交，言而有信。) (*Lunyu*: 1.7)

Bagi Konfusius, beliau tidak tahu apa yang patut dibuat jika seseorang tidak menuruti janji yang diberikan (人而无信，不知其可也) (*Lunyu*: 2.22); ajaran keluarga juga berpendapat bahawa segala-galanya akan menjadi sia-sia jika seseorang itu tidak menuruti janjinya (人而无信，百事皆虚。) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*). Ekoran daripada penekanan ini dalam masyarakat Cina tradisi, P39 menyarankan bahawa penunaian janji (*xinyong*) boleh mengekalkan hubungan antara kawan dengan kawan. Peratusan setuju yang tinggi telah dicapai, iaitu K 96.3% dan B 90%.

Bagi keempat-empat kategori LK, PK, LB dan PB, ramai yang lebih setuju dan amat setuju. Antaranya kumpulan yang mencapai 100% “lebih setuju dan amat setuju” ialah LK1, LK3, LK4; LB2, LB3; PK1, PK2, PK3 dan PK4, demikian juga PB3 dan PB4. Nampaknya, penunaian janji (*xinyong*) merupakan satu nilai universal yang diterima umum.

“Kawan” memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang. Pepatah lama mengatakan: “Bergantung kepada ibu bapa waktu berada di dalam rumah, bergantung kepada kawan-kawan waktu berada di luar rumah.” (在家靠父母，出外靠朋友。) Seperti yang dikatakan, orang Cina mementingkan Tata Sosial Berhirarki dalam berhubung dengan orang lain. Jadi apabila bertemu dengan “orang luar”, “orang luar” ini akan dibahagikan kepada dua kategori pula, iaitu orang yang dikenali (熟人) dan orang yang tidak dikenali (生人) (Li Qingshan, 1996: 253).

Apabila berhubung dengan orang yang dikenali, hubungan ini berkemungkinan akan berkembang lagi sehingga hubungan yang rapat diwujudkan. Pada zaman tradisi, memang menjadi satu kebiasaan bagi kawan-kawan yang berhubungan rapat untuk mengiktirafkan diri mereka sebagai adik-beradik. Konfusianisme memang terkenal dengan pepatahnya iaitu “dalam dunia ini semua orang bersaudara seperti adik-beradik” (四海之内皆兄弟也) (*Lunyu*: 12.5).

Apabila hubungan adik-beradik terhasil daripada hubungan kawan-kawan, maka mereka akan bantu-membantu antara satu sama lain. Jika salah seorang daripada mereka mengalami masalah atau kesukaran, maka mereka akan mengorbankan kepentingan diri demi menjaga kepentingan adik-beradik angkat.

Ertinya, pada zaman tradisi, kedudukan seseorang kawan boleh ditingkatkan sehingga kepada kedudukan seperti adik-beradik. Hari ini, konsep kawan telah banyak berubah. Orang yang dikenali tetapi kurang rapat hubungannya dipandang sebagai kawan biasa sahaja. Kawan jarang-jarang dipandang sebagai ahli keluarga sendiri. Justerunnya, seseorang itu tidak mempunyai sebarang tanggungjawab terhadap kawannya (Li Qingshan, 1996: 266).

Bagaimanakah pandangan responden di Kampung Cina berkenaan pepatah Konfusius bahawa “semua orang dalam dunia ini bersaudara seperti adik-beradik” ? Keputusan menunjukkan K setuju 68.5% manakala B 64%. Ini bererti bukanlah mustahil untuk mendapat kawan yang sebaik seorang adik-beradik.

Peratusan amat setuju yang paling tinggi (75%) jatuh pada LB3, paling rendah pada 0% oleh PK4 dan PB3 seperti yang ditunjukkan di Lampiran 1.1.3 (b). Tetapi keseluruhannya, mereka yang “lebih setuju dan amat setuju” mencapai sekurang-kurangnya 60%. Walau bagaimanapun, ada antara responden mengatakan bahawa kawan baiknyalah yang telah mengkhianatinya.

P5 menanya tentang adat (*lì*). Bagi orang Cina, adat wujud dalam pelbagai aspek dalam kehidupan seseorang. Dalam hubungan seseorang bersama kawannya, salah satu aspek yang boleh diperhatikan ialah caranya melayani orang. Bagi Konfusianisme, cara melayani kawan yang penting ialah “saling membalaas antara satu sama lain” (*lishangwanglai*). Umumnya, adat berbudi saling membalaas antara satu sama lain menyentuh banyak aspek.

Pada zaman tradisi, “saling membalaas antara satu sama lain” ialah satu prinsip masyarakat yang harus diikuti dengan tegasnya. Antaranya, jika orang

menghadiahkan kita sesuatu, maka kita perlu cari peluang untuk membala orang itu. Sebagai contoh, “jika seseorang menghadiahkan saya seekor lembu, maka sebagai balasan, saya perlu menghadiahkan orang itu seekor kuda, atau binatang lain yang lebih kurang sama nilainya.”

Jika orang melawat ke rumah kita, maka kita seharusnya mencari masa untuk melawatnya; jika orang melayani kita dengan baik, maka kita perlu melakukan sedemikian juga.¹²³ Oleh kerana adat saling membala itu telah menjadi satu kebiasaan, maka apabila sesebuah keluarga mengadakan upacara perkahwinan atau upacara pengebumian, mereka semestinya akan mencatatkan kesemua kandungan pemberian (sama ada wang atau barang) tetamu dalam sebuah buku nota khas. Perbuatan ini penting untuk mereka agar pemberian yang sama atau setimpal akan dibalas pada hari kemudian (Arthur Henderson Smith, 1998: 401).

P5 cuba meninjau sama ada adat berbudi saling membala (*lishangwanglai*) masih dipraktikkan, iaitu jika orang melayani kita dengan penuh beradat dan penuh bertatasusila (*li*), kita perlu membalaunya kerana “sesuatu yang diterima tetapi tidak dibalas tidak mematuhi adat” (来而不行非礼也). K setuju 79.8%, peratusannya kurang daripada B yang mencapai 88%. Peratusan yang agak tinggi ini membuktikan orang Cina masih memegang kepada tradisi Konfusianisme ini.

Antaranya, PK menunjukkan peratusan amat setuju yang semakin meningkat dengan berkembangnya peringkat umur iaitu PK1 10% diikuti PK2 30%, PK3 50% dan

¹²³ Dalam *Chinese-English Dictionary*, *lishangwanglai* mempunyai erti seperti berikut: “Courtesy requires a return of visits received; deal with somebody as he deals with you; etiquette demands reciprocity; pay somebody back in his own coin.” (Wu Guanghua, 1997: 1003)

PK4 75%. Ini menunjukkan perempuan keturunan yang lebih tua lebih mementingkan adat saling membala ini.

Jelasnya adat saling membala mendapat kedudukan penting dalam masyarakat Cina. Walaupun ia pada kebanyakan masa boleh meletihkan orang, tetapi responden berpendapat ia harus diteruskan kerana mengikut kata responden: “Ini tradisi, kalau kita ialah orang Cina, maka kita perlu ikut.”¹²⁴ Walau bagaimanapun, terdapat juga responden PK1 dan PB3 menunjukkan peratusan setuju yang lebih rendah iaitu 60% dan 50% sahaja. Ini bererti adat saling membala kurang dihayati oleh responden-responden kedua-dua kumpulan ini.

Dalam keluarga Cina, perkataan *ren* 忍 (bersabar)¹²⁵ sentiasa diutarakan agar seseorang dapat menyabarkan diri dalam menghapuskan perasaan kemarahan atau ketidakpuasan dalam kehidupan. Orang dinasihatkan bersabar kerana “orang yang boleh bersabar tidak akan menghadapi masalah” (忍事者安然); “sekali dapat sabarkan diri dalam kemarahan, seumur hidup tidak mempunyai kerisauan” (忍得一时忿，终身无烦恼) (Li Qingshan, 1996: 131); “hal-hal kecil jika tidak dapat bersabar akan merosakkan rancangan besar” (小不忍则乱大谋) (*Lunyu*: 15.27).

P24 mengemukakan salah satu aspek *ren* (bersabar) iaitu kawal kata-kata dalam mulut supaya perasaan marah akan hilang (言语忍，忿自泯。) (Li Yuxiu, *Dizigu*). Dalam kehidupan harian, sudah pasti terdapatnya hal-hal yang tidak

¹²⁴ Pendapat ini diutarakan oleh Tan Ah Mek, keturunan Mek Se di rumahnya di Kampung Cina pada 4 Februari 1998, jam 3 petang.

¹²⁵ Dalam kajian ini, istilah *ren* sentiasa merujuk nilai etika perikemanusiaan melainkan ia diberi ertian yang berlainan seperti: *ren* (bersabar), ini bererti *ren* ini merujuk ertian bersabar dan bukannya nilai perikemanusiaan.

mengikut kehendak hati kita bila kita berhubung dengan orang lain. Jadi, apakah reaksi yang harus ditunjukkan?

Ajaran keluarga menyeru orang supaya menahankan ketidakpuasan diri agar sesuatu yang buruk tidak berlaku: “Boleh bersabar biar bersabar, boleh menahan biar menahan, tidak bersabar tidak menahan, perkara kecil akan jadi besar.” (得 忍 且 忍, 得 耐 且 耐, 不 忍 不 耐, 小 事 变 大。) (*Li Yuxiu, Dizigui*) K setuju bahawa mereka dapat bersabar dengan 75.9% manakala B setuju dengan peratusan yang lebih tinggi lagi iaitu 80%.

Bagi bahagian amat setuju, LB menunjukkan peningkatan peratusan setuju berdasarkan perkembangan umur iaitu meningkat dari 20% ke 40%, 50% dan 75%. Sekali lagi golongan yang lebih tua menunjukkan mereka lebih sanggup menyabarkan diri bila berada dalam kemarahan kerana bagi mereka, kalau boleh bersabar dalam ucapan kata-kata, maka api kemarahan dapat dipadamkan (忍 一 言, 息 一 怒。) (*Li Yuxiu, Dizigui*). Ramai responden terutamanya responden perempuan memberitahu bahawa mereka sentiasa bersabar dalam kebanyakan hal agar keadaan keharmonian boleh dikekalkan selalu.

P27 bertujuan meninjau hubungan dengan jiran. Manusia tinggal di dalam masyarakat tidak boleh tinggal berasingan tanpa jiran (居 宅 不 可 无 邻 家) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin”). Hubungan jiran terbentuk apabila terdapatnya sekumpulan orang tinggal bersama di suatu kawasan yang sama. Dalam keadaan ini, kepentingan bersama jika tidak dapat dijaga dengan baik, maka kadang-kadang perselisihan akan timbul, dan mungkin ia akan membawa kepada pergaduhan yang besar jika kedua-dua pihak yang terlibat enggan menyelesainya dengan hati yang tenang (Cheng Li, 1998: 114).

Biasanya, untuk elakkan daripada berlakunya perselisihan, anak-anak biasanya dilarang oleh ibu bapanya daripada banyak bergaul dengan jiran sebelah (东邻西舍休轻去) (*Nu'erjing*). Di samping itu, ajaran keluarga menyentuh bahawa banyak masalah timbul daripada pertuturan di mana seseorang itu mungkin mengucapkan sesuatu secara ringkas tetapi yang mendengarnya (mungkin secara tidak sengaja) menokok tambahnya sehingga menjadi panjang (说话人短, 记话人长。) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*).

Jadi dikatakan lebih baik perbualan dengan saudara mara atau kawan-kawan dikurangkan kerana kata-kata daripada mulut mudah menimbulkan kesilapan (言易招尤, 对亲友少说两句。) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*). Ekorannya, kita dapati bahawa masyarakat Cina memang terkenal dengan pepatah lama ini: “Sapulah salji di depan rumah masing-masing sahaja dan jangan kisah sama ada bumbung rumah orang lain berkabut atau tidak.” (各人打扫门前雪, 休管他人瓦上霜。) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*)

Adakah fenomena ini berlaku juga di Kampung Cina? Pernyataan 27 menyebut: “Untuk elakkan daripada berlakunya perselisihan dan pergaduhan, jiran tetangga lebih baik jangan banyak bergaul.” Keputusan menunjukkan P27 ini tidak mendapat sambutan, iaitu K hanya setuju 22.2% dan B 16%.

Keputusan di atas menandakan hubungan jiran masih dipandang penting. Ini secara tidak langsungnya menunjukkan pepatah lama iaitu “air dari tempat jauh susah menyelamatkan api yang berdekatan, saudara mara yang jauh tidak setanding jiran yang berdekatan” (远水难救近火, 远亲不如近邻) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*) masih ada kebenarannya.

Dalam kehidupan seseorang, saling membantu antara jiran amat penting sekali. Contohnya, apabila jiran jatuh sakit, bantuan boleh dihulurkan seperti menolongnya memanggil doktor, atau menghantarnya ke klinik atau hospital untuk rawatan. Jika jiran tidak ada di rumah dan kebetulan ada orang melawat ke rumahnya, maka bantuan boleh diberikan bagi mencatatkan nama pelawat untuk diberitahu kepada jiran kemudian. Bantuan yang pelbagai boleh diberi jika hubungan yang baik terjalin antara jiran.

Di sebaliknya, jika hubungan seseorang dengan jiran adalah buruk, maka jika berlaku kebakaran sekalipun, tiada juga jiran yang akan menolong (虑有火烛，无人救应。) (Yuan Cai, *Yuanshi Shifan*: “Zhijia” “治家”). Jadi hubungan dengan jiran perlu sentiasa dijaga iaitu membala budi baik jiran bila mendapat bantuan daripada mereka (又须平时抚恤邻里有恩义) (Yuan Cai, *Yuanshi Shifan*: “Zhijia”).

Seperti yang dikatakan sebelum ini, penduduk di Kampung Cina kebanyakannya mempunyai pertalian persaudaraan, jadi, sudah pasti mereka telah terjalin hubungan antara satu sama lain. Akan tetapi, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, didapati mereka juga tidak banyak bergaul walaupun tinggal bersebelahan. Biasanya mereka akan saling mengunjungi antara satu sama lain pada hari perayaan sahaja. Walau bagaimanapun, yang pastinya, mereka sering menghulurkan bantuan jika jiran perlukannya. Sebagai contoh, Wee Chong Rui (Huang Chongrui 黃崇銳) dengan penat lelah membantu jirannya iaitu keturunan Yap Guan Sun yang bernama Pui Giok Nee (Fang Yuni 方昱霓) untuk memperbaiki sebahagian daripada bumbung rumahnya yang telah runtuh.¹²⁸

5.1.4 Kedudukan Wanita

Dalam masyarakat Cina yang memberi penekanan kepada kaum lelaki, kedudukan wanita amat rendah jika dibanding golongan lelaki. Perbezaan ini dapat diperhatikan sejak seseorang itu dilahirkan. Dalam *Shijing*, puisinya “Sigan” “斯干” menggambarkan kemuliaan bayi lelaki dan kerendahan bayi perempuan dengan jelasnya: “Jika lahirkan anak lelaki, biarkan ia tidur di atas katil dan pakaikannya dengan baju; jika lahirkan anak perempuan, biarkan ia tidur di atas lantai dan balutkannya dengan kain.” (乃生男子，载寢之床，载衣之裳，……乃生女子，载寢之地，载衣之裼。) Layanan yang tidak adil bagi lelaki dan perempuan ini menunjukkan kedudukan lelaki dan perempuan memang tidak setaraf sejak zaman purba lagi.

5.1.4 (a) Perbezaan antara Lelaki dengan Perempuan

Seperti apa yang dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya, kedudukan lelaki adalah tinggi dan mulia tetapi kedudukan perempuan rendah dan hina. Antara faktor yang mengakibatkan keadaan sedemikian ialah berkenaan teori *Yin* dan *Yang*. Lelaki ialah *Yang* yang melambangkan kekuatan manakala perempuan ialah *Yin* yang melambangkan kelembutan. Ekorannya, seseorang suami dipandang sebagai langit

¹²⁶ Kejadian ini diperhatikan apabila temubual dijalankan dengan Pui Giok Nee di rumah moyang Kheng Kiu. Kheng Kiu ialah ibu Pui Giok Nee atau anak perempuan Yap Guan Sun. Pui Cheng Yin, ayah kepada Pui Giok Nee meninggal dunia di rumah ini pada usia 90 tahun iaitu sekitar tahun 90-an.

kepada isterinya, iaitu suami mempunyai kuasa yang tinggi seperti langit¹²⁷ untuk dipatuhi oleh isterinya.

Oleh kerana konsep *Yin* dan *Yang* di atas, maka lelaki dipandang sebagai golongan yang gagah-perkasa dan berupaya untuk memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Malangnya, perempuan tidak dipandang sedemikian. Perempuan dalam zaman tradisi terutamanya dinasti Ming-Qing tidak digalakkan untuk memahiri apa-apa bidang kecuali hal-hal masakan dan jahit-jahitan (妇主中馈, 唯事酒食衣服之礼耳。) (*Yanshi Jiaxun*: “Zhijia”). Ini kerana pada zaman itu, perempuan yang tidak berbakat akan dipuji sebagai beretika atau bermoral tinggi (女子无才便是德) (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 44).

Pada zaman tradisi, lelaki sahaja dibenarkan menjadi ahli politik dan mereka tidak boleh membincangkan hal-hal politik dengan wanita termasuk ibu mereka, isteri mereka dan anak perempuan mereka (Li Xiaodong, 1986: 101). Golongan wanita dilarang daripada bercampur tangan dalam hal-hal politik kerana dikatakan wanita hanya sesuai untuk hal-hal masakan dan jahit-jahitan (妇主中馈,国不可使预政) (*Yanshi Jiaxun*: “Zhijia”); sebab lain ialah seperti catatan dalam *Shijing* bahawa “kacau-bilau turun dari langit kerana orang perempuan” (乱匪降自天, 生自妇人) (*Shijing*: “Zhanyang” “瞻仰”) iaitu wanita pembawa malapetaka kepada politik negara.

¹²⁷ Dalam pemikiran tradisi, langit atau *tian* 天 disanjung sebagai kuasa tertinggi yang menentukan nasib seseorang, contohnya, pepatah lama mengatakan: “Usaha yang gigih dilakukan oleh manusia, berjaya atau tidak bergantung kepada langit (*tian*).” (谋事在人, 成事在天。) Anak murid Konfusius, Zixia juga mengatakan langit (*tian*) itu menentukan nasib seseorang: “Panjang atau pendek usia seseorang bergantung kepada nasibnya, kaya atau miskin seseorang bergantung kepada langit (*tian*).” (死生有命, 富贵在天。) (*Lunyu*: 12.5)

Hari ini, keupayaan dan kebolehan wanita yang tinggi dalam banyak bidang telah diperhatikan. Sebagai contoh, bidang politik yang sebelum ini dikecimpung oleh kaum lelaki kini tidak lagi dimonopolikan oleh orang lelaki semata-mata. Dalam masyarakat Cina hari ini, adakah penglibatan wanita dalam politik diterima oleh orang Cina secara umumnya? Atau adakah kebolehan mereka masih disangsi ekoran daripada pandangan hina yang wujud selama ini ke atas wanita yang berpolitik?

Salah satu contoh “wanita berpolitik” yang banyak menerima kecaman di negara China ialah Maharani Cixi 慈禧 (mp 1861-1908). Maharani Cixi terkenal dengan kekejaman dan autokrasinya, beliau mulai berkuasa sejak anaknya Maharaja Tongzhi 同治 (1856-1874) menaiki takhta pada usia lima tahun. Sejak itu, Maharani Cixi menguasai tampuk pemerintahan daripada maharaja-maharaja dinasti Qing selama 47 tahun (Che Jixin, 1993: 2390-2398).

P34 cuba melihat pandangan responden mengenai hal ini iaitu dikatakan wanita berupaya untuk menjadi seorang perdana menteri jika diberi peluang. Didapati golongan K kurang bersetuju jika dibanding dengan golongan B. Peratusan lebih setuju dan amat setuju bagi K ialah 64.8% berbanding golongan B yang memberi 76%. Antaranya, golongan tertua LB menunjukkan peratusan lebih setuju dan amat setuju setinggi 100% manakala PK4 memberi peratusan 50% sahaja. Ini bererti golongan keturunan lebih konservatif dalam memberi keyakinan kepada golongan wanita untuk dijadikan perdana menteri.

Penglibatan wanita dalam politik memang mudah dipertikaikan oleh sesetengah pihak. Tetapi bagaimana pula dengan penglibatan wanita dalam kerjaya di luar rumah? P32 mencadangkan bahawa “jika isteri ingin bekerja, suami tidak harus membantah”. Peratusan yang lebih setuju dan amat setuju nampaknya tidak begitu

tinggi iaitu K 61.1% dan B 68%. Peratusan sedemikian secara tidak langsungnya menunjukkan terdapat ramai responden yang kurang setuju untuk membenarkan isteri mereka bekerja di luar.

Apakah alasan-alasan yang tersembunyi di sebalik pandangan ini? Menantu Wee Yeu Hui, Phek Har, sebagai seorang suri rumah tangga menjelaskan bahawa keluarganya yang terdiri daripada tiga orang anak lebih memerlukannya untuk menguruskan hal-hal rumah tangga secara sepenuh masa. Pada asalnya, beliau bekerja sebagai seorang penggunting rambut sebelum berkahwin. Tetapi beliau terpaksa meletak jawatan kerana suaminya tidak suka beliau bekerja menggunting rambut. Demi mendirikan rumah tangga yang bahagia, beliau akhirnya bersetuju untuk mencari pekerjaan lain. Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya tidak jadi bekerja kerana suaminya tidak memberi kebenaran.

Di samping itu, Phek Har juga memaklumkan bahawa kebanyakan isteri di Kampung Cina tidak keluar bekerja tetapi menjadi suri rumah tangga untuk menjaga anak dan suami dengan sepenuh masa. Didapati kata-kata Phek Har ada kebenarannya kerana wanita daripada keluarga keturunan Wee Chai seperti isteri Wee Yeu Hui, isteri Tan Sin Jim, isteri Wee Keng Lam, isteri Cheah Phee Thiam dan lain-lain lagi tidak pernah keluar bekerja sejak muda lagi.¹²⁸

Bagi Phek Har, beliau berharap bila anak-anaknya telah besar nanti, beliau berpeluang untuk keluar bekerja demi mengejar kepuasan diri. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat kebanyakan isteri keluar bekerja atas faktor kewangan iaitu untuk mencari wang yang lebih bagi menampung keperluan keluarga.

¹²⁸ Perbualan dengan Phek Har diadakan di rumahnya di Kampung Cina pada 15 Mei 1997, jam 10 pagi.

Memandangkan responden yang menyetujui untuk membiarkan isteri bekerja adalah sebanyak lebih daripada 60%, maka P31 boleh dijadikan soalan semakan untuk P32. P31 mengatakan “lelaki menguruskan hal-hal luaran (iaitu bekerja), manakala perempuan menguruskan hal-hal dalaman (iaitu sebagai suri rumah tangga) (男治外事，女治内事) (Sima Guang, *Sushui Jiayi*) merupakan cara hidup yang paling ideal.” Seperti yang disangkakan, mereka yang lebih setuju dan amat setuju seharusnya berada lebih kurang pada 40% kerana keputusan P32 menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat 40% responden K dan B yang tidak setuju untuk membiarkan isteri keluar bekerja.

Ini bererti sekurang-kurangnya 60% responden berpendapat isteri-isteri jika dikongkong dalam rumah untuk menguruskan hal-hal rumah tangga semata-mata, ini tidak semestinya menjamin kebahagian hidup. Banyak golongan menunjukkan peratusan amat setuju serendah 0%, iaitu LK1, PK1, LK2, LB2, PK3, LB3 dan LK4. Golongan lain turut menunjukkan peratusan setuju yang rendah iaitu antara 10% hingga 50% melainkan LK3 sebanyak 83.3% dan LB4 sebanyak 75%.

Walaupun corak kehidupan iaitu suami bekerja dan isteri menjadi suri rumah tangga tidak disambut baik oleh responden, akan tetapi memang tidak dapat dinafikan bahawa golongan lelaki ialah pencari wang yang utama untuk menyara kehidupan sesebuah keluarga di Kampung Cina.

Dalam hal ini, P20 cuba menimbang penekanan kaum lelaki ke atas kerjaya mereka dan keluarga mereka. Keputusan menunjukkan responden lebih memberi kepentingan kepada keluarga berbanding kerjaya mereka. Peratusan setuju untuk P20 iaitu “kerjaya lebih penting daripada keluarga” (Cai Yongmei & Yi Qingchun, 1997:

137) hanya mencapai 22.2% bagi K manakala B mencapai 30% sahaja. Walau bagaimanapun, kekecualian diperlihatkan bagi golongan tertua iaitu PK4 dan LB4 masing-masing setuju 75% bererti kerjaya lebih penting daripada keluarga.

Seterusnya, akan dilihat pula peluang menerima pendidikan bagi perempuan, terutamanya mereka yang telah menjadi ibu. Pada zaman tradisi, perempuan tidak mendapat peluang pendidikan yang bebas seperti lelaki. Perempuan dilarang untuk belajar pada zaman tradisi kononnya mereka akan menimbulkan masalah kepada keluarga dan masyarakat jika mereka berpengetahuan tinggi.

Ajaran keluarga dengan jelasnya menafikan kepentingan belajar bagi golongan wanita: “Wanita jika dibenarkan mengenali beberapa ratus perkataan seperti kayu, beras, ikan dan daging sudah mencukupi, mengenali lebih perkataan tidak bermanfaat tetapi merugikan diri sahaja.” (妇女只许粗识粗柴米鱼肉数百字，多识字无益而有损也。) (Wen Yijie 溫以介, *Wenshi Muxun* 溫氏母訓 [Ajaran Ibu Keluarga Wen])¹²⁹

Pada asalnya, perempuan tidak dikisah sama ada berpelajaran atau tidak. Akan tetapi tokoh-tokoh Konfusianisme kemudiannya mendapati golongan perempuan perlu membaca buku-buku yang khas ditulis untuk wanita, iaitu buku-buku yang mengisah tentang peraturan-peraturan yang perlu difahami dan dihayati oleh kaum perempuan. Tujuannya hanya satu, iaitu membolehkan wanita mengetahui bagaimana untuk menjadi seorang isteri dan ibu yang baik demi kebaikan keluarga.

¹²⁹ *Wenshi Muxun* sebenarnya ialah catatan ajaran keluarga oleh Wen Yijie terhadap nasihat dan pengajaran ibunya (nama keturunannya Lu 陆). Antaranya, ibunya mendidik Wen Yijie supaya rajin dan berjimat-cermat, jujur dan memegang kepada janji; beliau juga menyuru anaknya supaya sentiasa membantu orang yang miskin dan menyumbang untuk rakyat jelata

Sebagai contoh, Sima Guang mahukan anak perempuan mula membaca *Xiaojing* dan *Lunyu* pada usia tujuh tahun; bila sampai usia sembilan tahun, selain daripada *Xiaojing* dan *Lunyu*, buku-buku lain yang juga perlu difahami serba sedikit ialah *Lienuzhuan* 列女传 (Koleksi Biografi Wanita), *Nujie* dan sebagainya (七岁, 始诵<孝经>、<论语>, 虽女子亦宜诵之。九岁, 女子亦为之讲解<论语>、<孝经>及<列女传>、<女诫>之类, 略晓大意。) (Sima Guang, *Sushui Jiayi*).

Sampai dinasti Ming, pandangan tersebut masih diteruskan seperti yang dikatakan oleh Lu Kun 吕坤 (1536-1618)¹³⁰: “Ajar [wanita] dengan cara yang betul, biar mereka tahu prinsip-prinsipnya, bahan-bahan bacaan seperti *Xiaojing*, *Lienuzhuan*, *Nuxun* 女训 (Ajaran Wanita), *Nujie* dan sebagainya perlu dibaca dan difahami dengan sepenuhnya.” (果教以正道, 令知道理, 如<孝经>、<列女传>、<女训>、<女诫>之类, 不可不熟读讲明。) (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 44)

Akibatnya, pada dinasti Qing, wanita masih tidak digalakkan untuk mendapat pendidikan yang banyak melainkan pendidikan wanita diadakan untuk membolehkan mereka mengetahui cara melayani ibu bapa, melayani adik-beradik suami, melayani suami serta mendidik anak. Keempat-empat hal ini perlu dilaksanakan dari usia muda hingga usia tua, iaitu sepanjang umur seseorang wanita (女学之道亦有四：曰事父母之道，曰事舅姑之道，曰事夫子之道，曰教子之道。四者自少至老，一

(Xu Shaojin dll., 1993: 312). *Wenshi Muxun* boleh didapati dalam Xu Shaojin dll., 1993: 312-316.

¹³⁰ Lu Kun ialah seorang *jinshi* pada dinasti Ming. Beliau pernah menyandang banyak jawatan pegawai kerajaan. Akan tetapi, oleh kerana hasrat politiknya tidak tercapai, jadi beliau menggunakan alasan sakit untuk meletak jawatan.

生之事尽矣。) (Qingren 清人 [Orang dinasti Qing]: *Nuzi Yanxinglu* 女子言行录 [Catatan Pertuturan dan Tingkah laku Wanita]) (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 104).

Memandangkan pendidikan formal wanita tidak diberi kepentingan pada zaman tradisi, apakah pendapat responden tentang hal ini, iaitu adakah pendidikan seorang ibu tidak penting, tetapi kebijaksanaan menguruskan hal rumah tangga merupakan hal terpenting? Didapati persetujuan yang lebih tinggi diberi oleh K iaitu setinggi 44.4% berbanding B 24%. Antaranya, golongan tertua amat menyokong P30 ini, iaitu LK4 100% setuju, diikuti LB4 75% setuju dan PK4 50% setuju. Golongan muda menunjukkan pandangan berlawanan dengan golongan tertua, mereka membantah dengan kuatnya berkenaan P30 iaitu PK1 dan LB1 memberi 0%, PB1 10% dan LK1 20% bagi peratusan lebih setuju dan amat setuju.

Justerunya hal pewarisan harta pusaka dibincang kerana konsep perbezaan antara lelaki dengan perempuan juga memberi kesan kepada cara-cara pembahagiannya. Dalam masyarakat Cina tradisi, keistimewaan kedudukan golongan lelaki membolehkan mereka berkuasa untuk mewarisi harta pusaka keluarga tetapi tidak pula dengan golongan perempuan. Mengikut tradisi, golongan perempuan langsung tidak dapat memiliki sebarang harta kekayaan daripada keluarga mereka.

Harta pusaka keluarga merujuk kekayaan yang dimiliki oleh sesebuah keluarga, biasanya ia termasuk harta dan tanah bagi sesebuah keluarga, jadi ia boleh juga digelar hartaanah keluarga (Cheng Li, 1998: 153). Sesebuah keluarga yang mempunyai hartaanah yang banyak biasanya mempunyai status sosial yang tinggi. Sebagai contoh, keluarga Wee Chai, keluarga Tan Beng Chin, keluarga Cheah Cheng Hooi dan keluarga Yap Hong Gee memang terkenal dengan kekayaan yang dimiliki mereka. Pada zaman itu, orang Cina menjadi kaya terutamanya disebabkan kejayaan mereka

dalam kegiatan perniagaan yang dijalani. Di samping itu, Kapitan dan Jurubahasa menjadi lebih kaya lagi kerana mereka diberi kuasa untuk menjalani kegiatan perjudian, perniagaan emas, penjualan arak dan lain-lain lagi.

Keempat-empat orang tokoh di atas meninggalkan banyak harta pusaka selepas mereka meninggal dunia. Pada zaman tradisi, cara membahagikan harta pusaka memaparkan tiga ciri, pertamanya, anak perempuan tidak mendapat sebarang harta tetapi semuanya dimiliki oleh anak lelaki. Keduanya, anak lelaki sulung mendapat pembahagian yang paling besar berbanding anak-anak lelaki yang lain. Ketiganya, pembahagian harta pusaka dibuat secara sama rata oleh anak-anak lelaki.

Ciri pertama wujud kerana seperti yang dikatakan sebelum ini, masyarakat Cina tradisi memuliakan golongan lelaki dan merendahkan golongan perempuan, jadi perempuan tidak mendapat sebarang harta. Ciri kedua pula berkenaan keistimewaan anak sulung yang mendapat kedudukan lebih tinggi jika dibanding adik-beradik lelaki yang lain. Cara ini sering menimbulkan masalah antara adik-beradik dan ia selalunya diakhiri dengan pergaduhan. Ekorannya, pembahagian secara sama rata disarankan seperti yang disebut dalam ciri ketiga.

Antara keempat-empat tokoh itu, selain daripada Yap Hong Gee, harta pusaka yang ditinggalkan dibahagikan mengikut cara tradisi, iaitu hanya diberi kepada anak lelaki sahaja. Pada tahun-tahun 50-an, Yap Hong Gee sebelum meninggal dunia telah melantik anak perempuannya, Yap Siu Pin bagi menguruskan harta pusakanya supaya hartanya diagihkan secara sama rata kepada semua anak iaitu termasuk anak perempuan. Cara ini merupakan cara baru yang berlawanan dengan cara tradisi tetapi ia telah dilakukan dengan penuh adil.

Hari ini, perubahan zaman telah membawa kepada perubahan pemikiran, harta pusaka yang ditinggalkan oleh ibu bapa tidak lagi dimiliki oleh anak lelaki semata-mata, iaitu anak perempuan juga berpeluang menikmatinya. Tetapi persoalannya, adakah anak lelaki seharusnya mewarisi lebih banyak daripada anak perempuan?

Suara bantahan yang kuat datang terutamanya daripada golongan muda dan golongan pertengahan di mana peratusan setuju berada paling rendah pada 0% manakala paling tinggi pada 30% sahaja. Golongan tua yang membantah kuat ialah LB3, iaitu peratusan setujunya 0%; golongan tertua yang memberi peratusan setuju 0% ialah LK4. Walau bagaimanapun, kelihatan golongan tertua B memberi persetujuan yang tinggi iaitu 75% bagi LB4 dan 66% bagi PB4. Ini bererti masih terdapat perempuan yang rela memberi lebih banyak harta pusaka kepada kaum lelaki. Ini secara tidak langsungnya menunjukkan pandangan tradisi masih mempunyai pengaruhnya untuk sesetengah pihak.

5.1.4 (b) Kesucian Wanita

Kesucian wanita mulai diberi perhatian pada dinasti Xia-Shang-Zhou 夏 商 周 (2205-1766 SM, 1766-1122 SM & 1122-221 SM). Ia semakin dipandang penting pada dinasti-dinasti yang seterusnya. Menurut *Nulunyu* 女 论 语 (*Lunyu Wanita*), kebersihan dan kesucian wanita amat penting untuk membawa kebanggaan kepada dirinya (凡 为 女 子, …… 惟 务 清 贞。清 则 身 洁, 贞 则 身 荣。) (Luo Shijin, 1994: 70).

Pada dinasti Song, dengan berkembangnya Pengajian Pendalilan oleh tokoh-tokoh Konfusianisme, maka kehendak masyarakat atas kesucian wanita mencapai

puncak yang tertinggi. Walau bagaimanapun, didapati perkahwinan semula wanita masih boleh diterima dalam masyarakat dinasti Song. Contohnya, isteri bagi Lu You (Lu You ialah penulis kepada ajaran keluarga *Fangweng Jiaxun*) telah berkahwin semula setelah diceraikan oleh Lu You; selain itu, dikatakan penulis puisi yang terkenal, Li Qingzhao 李清照 (1084-1155?) juga telah berkahwin semula setelah kematian suaminya (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 125)¹³¹.

Pada dinasti Ming, konsep kesucian wanita menjadi lebih kuat lagi ekoran daripada galakan dan kebaikan diberi oleh kerajaan kepada wanita berkahwin yang menjaga kesucian mereka seumur hidup. Didapati *Mingshi* (Sejarah Ming) telah menyimpan biografi-biografi bagi sekurang-kurangnya 10,000 orang wanita yang dikategorikan sebagai wanita suci (节妇) (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 125).

Pada dinasti Qing, larangan untuk wanita kahwin semula menjadi lebih ketat lagi. Seseorang wanita yang kehilangan suami tidak dibenarkan kahwin semula kerana perbuatan ini akan memalukan dirinya dan keluarganya. Jadi, mereka terpaksa menjaga kesucian wanitanya seumur hidup.

Pada masa Ming-Qing, kesucian wanita bukan sahaja perlu dijaga oleh orang yang telah berkahwin, tetapi ia amat penting juga untuk perempuan yang belum berkahwin. Ekorannya, pada zaman itu, nyawa perempuan mungkin tergadai jika kesucian mereka terjejas akibat tersentuh oleh orang lelaki. Mereka akan bunuh diri demi mengekalkan nama baiknya yang asal (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 140-142).

¹³¹ Walau bagaimanapun, seorang pengkaji dalam bidang wanita Cina tradisi, Chen Dongyuan 陈东原 telah mengemukakan fakta-fakta untuk menafikan kebenaran perkahwinan semula Li Qingzhao ini (Chen Dongyuan, 1965: 161-172).

Untuk membolehkan perempuan menjaga kesucian mereka dengan sebaik-baiknya, maka pemikiran Konfusianisme menyarankan kaum lelaki dan kaum perempuan perlu awas-mengawasi antara satu sama lain untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

Dengan itu, sejak berusia tujuh tahun lagi, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan sudah dilarang daripada duduk bersama dan makan bersama (七岁男女不同席、不共食。) (*Nuxiaojing* 女孝经 [Kitab Berbakti Wanita]). Selain itu, lelaki dan perempuan tidak boleh duduk untuk berbual-bual (男女不杂坐); tidak boleh jalan bersama (男女不同行), tidak boleh mengguna suatu barang pada masa yang sama; baju lelaki dan perempuan tidak boleh letak dalam sebuah kotak yang sama dan sebagainya (Cheng Li, 1998: 147).

Selain itu, wanita yang belum kahwin tidak boleh keluar rumah tanpa kebenaran; wanita yang telah bertunang tidak boleh berjumpa dengan tunangnya; wanita yang telah berkahwin pula tidak boleh berbual-bual dengan lelaki lain walaupun lelaki itu adik kepada suami. Jika larangan ini tidak diikuti, maka wanita ini akan dipandang sebagai wanita yang tidak suci (不贞) (Cheng Li, 1998: 147).

Berdasarkan latar belakang konsep kesucian wanita pada zaman tradisi, apakah pandangan orang hari ini berkenaan mengahwini seorang wanita yang telah bercerai dengan suaminya? P33 menyatakan bahawa tiada apa yang tidak baik jika mengahwini seorang wanita yang telah bercerai sebelumnya. Peratusan lebih setuju dan amat setuju nampaknya tidak tinggi iaitu K mencapai 53.7% sahaja manakala B 62%. Secara di luar dugaan, peratusan setuju yang amat tinggi iaitu 100% telah diberi oleh golongan tua dan golongan tertua. Keputusan ini secara tidak langsungnya

menunjukkan orang tua tidak semestinya berfikiran tradisi, mereka mungkin berfikiran lebih terbuka daripada orang muda.

Pernyataan seterusnya memberi pandangan yang berlawanan dengan larangan zaman tradisi, iaitu P12 mengatakan bahawa seseorang balu boleh kahwin semula jika suaminya meninggal dunia. Isu sama ada seseorang balu boleh kahwin semula pernah dibincangkan oleh Zhu Xi dan Cheng Yi. Zhu Xi bertanya: "Mengapa tidak boleh mengahwini perempuan yang telah kematian suami?" Cheng Yi menjawabnya: "Kalau mengambil seorang perempuan yang telah kehilangan kesucian, maka lelaki itu akan kehilangan kesucian diri juga." Zhu Xi kemudian bertanya lagi: "Bagaimana dengan balu yang miskin dan tiada pergantungan, bolehkah mereka kahwin semula?" Maka Cheng Yi menjawab: "Orang kini takutkan kesejukan dan kelaparan, maka barulah menyarankan cara kahwin semula. Sebenarnya, mati kelaparan itu hal kecil, hilang kesucian diri barulah hal besar!" (Zhu Xi, *Jinsilu*)¹³²

Melihat kepada keputusan yang diberi oleh responden, didapati peratusan setuju tidak begitu menggalakkan iaitu berada antara 50% hingga 60% sahaja (K 61.1% manakala B 50%). Pada keseluruhannya, peratusan amat setuju juga amat kurang iaitu antara 0% hingga 33% melainkan LK3, LB3 mencatatkan peratusan amat setuju sebanyak 50% manakala PK4 75%.

¹³² Petikan dalam bahasa Cina klasik adalah seperti berikut:

"或问：‘孀妇于理似不可取。如何？’伊川(程颐)先生曰：‘……若取失节者以配身，是已失节也。又问：‘人或居孀贫穷无托者，可再嫁否？’曰：‘只是后世怕寒饿死，固有是说。然饿死事极小，失节事极大！’”（朱熹，近思录）

Antaranya, responden seperti Tan Sin Jim berpandangan bahawa kahwin semula itu seharusnya dibenarkan jika anak-anak balu masih kecil yakni ibu dan anak menghadapi masalah pergantungan hidup. Pandangan seperti ini secara tidak langsungnya menunjukkan jika suami balu itu tinggalkan banyak harta kekayaan kepada isteri dan anak, maka isteri itu tidak harus berkahwin semula untuk mengelakkan harta kekayaan suaminya daripada dimiliki oleh lelaki lain di samping pengekalan kesucian dirinya.

Seterusnya, tumpuan akan diberi kepada aspek ketidaksetiaan isteri kepada suaminya. Ekoran daripada konsep kemuliaan lelaki dan kerendahan perempuan, maka orang lelaki pada zaman tradisi boleh mengadakan hubungan dengan seberapa banyak wanita asalkan beliau suka membuat sedemikian. Sebaliknya, perempuan tidak mempunyai hak ini tetapi hanya boleh mengikut seorang suami sepanjang hidupnya dan beliau perlu memastikan kesucian dirinya sentiasa dijaga.

Pada zaman tradisi, hukuman yang berat akan dikenakan ke atas isteri yang tidak setia kepada suaminya. Sebuah karya sastera bertajuk *Erke Pai · an Jingqi* 二刻拍案惊奇 (Catatan Kes-kes Luar Biasa) telah menulis tentang peristiwa seorang gundik pada dinasti Song Selatan yang dipotong kedua-dua belah tangannya kerana memandang dan memuji seorang lelaki muda yang kacak (Wei Xi & Zhang Chang, 1994: 123).

Peristiwa yang menggerunkan ini menandakan definisi “tidak setia” seorang wanita pada zaman tradisi tidak setakat merujuk kepada hubungan sulit yang diadakan oleh isteri dengan lelaki lain, tetapi juga mengambil kira sebarang kelakuan isteri dan pemikiran isteri yang mungkin berhubungan dengan lelaki lain. Jadi, jika seseorang isteri memandang lelaki lain, bergurau dengan lelaki lain atau tersentuh lelaki lain,

semua kelakuan ini akan dianggap perbuatan yang tidak senonoh yang akan menjelaskan kesetiaan terhadap suaminya, justerunya hukuman akan diberi atau sekurang-kurangnya nama buruknya akan tersebar jauh untuk dikutuk orang ramai.

Bagaimana keadaannya pada zaman ini pula? Adakah isteri yang tidak setia kepada suami patut menerima hukuman yang berat? Peratusan setuju nampaknya lebih kurang sama bagi K atau B, iaitu sama ada golongan lelaki atau perempuan, semuanya menunjukkan peratusan lebih setuju dan amat setuju yang berada antara 50% hingga 60%.

Peratusan yang ekstrim 0% diberi oleh LK4. Ini bererti golongan tertua lelaki langsung tidak setuju untuk mengadakan hukuman dalam hal ketidaksetiaan isteri. Dalam pada itu, kelihatan K dan B bagi golongan tertua menunjukkan perbezaan peratusan setuju yang besar iaitu 28.6% berbanding 71.4%. Ini menunjukkan golongan tertua B lebih sukar untuk menerima hakikat seorang isteri yang tidak setia. Peratusan setuju yang lebih tinggi juga diberi oleh golongan muda dan golongan pertengahan. PK1 mencatat peratusan setuju 80%, manakala LK2 dan LB2 masing-masing 70%.

5.1.5 Pendidikan

Penekanan pendidikan oleh orang Cina berkait-rapat dengan pemikiran Konfusianisme. Sehingga hari ini, Konfusius masih disanjung tinggi sebagai teladan guru yang terunggul (Arthur Henderson Smith, 1998: 102) kerana sumbangannya yang

tinggi dalam bidang pendidikan. Pemikiran Konfusianisme menegaskan seseorang yang ingin berjaya mestilah kuat belajar tanpa merasa letih (好学不倦). Pada zaman dahulu konsep ini sentiasa dipupuk kerana hanya orang yang kuat belajar berpeluang melulusi peperiksaan awam berbagai peringkat. Kejayaan dalam peperiksaan ini bukan sahaja membolehkan seseorang itu diserap ke dalam jentera pentadbiran kerajaan justerunya mendapat kekayaan hidup, tetapi yang lebih penting ialah membawa nama baik dan kebanggaan kepada ibu bapa (扬名声, 显父母) (*Sanzijing*) dan keluarga.

Oleh kerana pembelajaran kitab-kitab Konfusianisme dapat melahirkan golongan terpelajar, maka “membaca buku” menjadi suatu aspek yang paling mulia sekali yang tidak boleh ditandingi oleh perkara-perkara lain seperti kata pepatah yang terkenal: *Wanban jie xiapin* 万般皆下品, *weiyou dushu gao* 唯有读书高 (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*).

Bagi orang Cina tradisi, membaca buku-buku Konfusianisme merupakan perkara yang amat penting kerana setiap perkataan dalam buku itu bernilai tinggi seperti emas (一字值千金) dan buku-buku itu juga dapat mengubah kerendahan dan kekasaran seseorang (书能化俗) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*). Jadi, perlulah ketua keluarga perintahkan anak dan cucu untuk banyak membaca (教儿孙多读几行), jika tidak, anak dan cucu akan menjadi orang yang bodoh (有书不读子孙愚) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*). Bagi orang dahulu, walaupun anak-cucu itu memang bodoh orangnya, mereka tetap diarahkan untuk membaca Empat Buku dan Lima Klasik yang terdiri daripada kitab-kitab klasik Konfusianisme (子孙虽愚，经书不可不读。) (Zhu Bolu, *Zhijia Geyan*).

Buku-buku yang tersebut di sini merujuk kitab klasik Konfusianisme kerana apa yang dipelajari dan diuji dalam peperiksaan semuanya berkenaan aspek Konfusianisme. Buku-buku Konfusianisme yang diwajibkan antaranya ialah seperti yang disebut dalam *Sanzijing* iaitu bermula dari *Xiaoxue* 小学 (Pembelajaran Asas) sampailah ke Empat Buku (为学者，必有初。小学终，至四书), kemudiannya ditambah dengan *Xiaojing* dan Enam Klasik (孝经通，四书熟，如六经，始可读。)¹³³.

Berdasarkan pandangan orang-orang dahulu tentang kepentingan pendidikan ini, P22 cuba bertanya sama ada lebih banyak membaca akan membawa kebaikan yang lebih. Keputusannya menunjukkan konsep membaca demi mengejar kejayaan hidup ini masih memberi pengaruh kepada golongan tertua iaitu mereka memberi sokongan 100% kepada P22 ini. Melihat dari segi keputusan keseluruhan pula, lebih daripada 80% responden lebih setuju dan amat setuju. Antaranya, golongan yang amat setuju melebihi 50%.

Selain itu, didapati responden muda keluarga keturunan kurang menghayati P22 ini. Peratusan setuju mereka secara relatifnya kurang berbanding golongan pertengahan dan golongan tua. Menurut pendapat mereka, banyak membaca bukan cara yang tunggal untuk mencapai kejayaan hidup.

Pada kebiasaannya, orang Cina terkenal dengan sikap mereka yang minat belajar (*haoxue* 好学) tidak kira dalam apa-apa bidang yang diceburi. Semangat minat belajar (*haoxue*) sentiasa disanjung tinggi dalam pemikiran Konfusianisme kerana

¹³³ *Xiaoxue* ialah bahan bacaan asas bagi peringkat permulaan pendidikan orang Cina tradisi. Ia disunting terutamanya oleh Zhu Xi. *Xiaoxue* banyak menyimpan kata-kata yang baik bagi pemupukan nilai etika seperti Bab “Lijiao” “立教” (Pendirian Pendidikan), “Minglun” “明伦” (Memahami Etika Manusia), “Jiayan” “嘉言” (Kata-kata Murni), “Shanxing” “善行” (Kelakuan Baik) dan lain-lain lagi (Liu Dazhi, 1992: 13). *Liu Jing* sebenarnya terdiri daripada *Wujing* tetapi ditambah dengan *Yuejing* 乐经 (Kitab Muzik) (Liu Dazhi, 1992: 15)

orang yang minat belajar menghampiri kebijaksanaan (好学近乎智) (*Liji*: “Zhongyong”). Antaranya, anak murid Konfusius, Zixia menerangkan erti bagi sikap minat belajar: “Setiap hari mempelajari pengetahuan yang tidak diketahui sebelum ini, setiap bulan mengulangkaji pengetahuan yang telah dipelajari sebelum ini, sikap seperti ini digelar sikap minat belajar.” (子夏曰：“日知其所亡，月无忘其所能，可谓好学也已矣。”) (*Lunyu*: 19.5)

Di samping itu, Konfusius sendiri mentafsirkan ciri-ciri orang yang minat belajar (*haoxue*) sebagai orang mulia yang makan secara sederhana dan hidup secara sederhana, mereka cekap membuat kerja dan tidak banyak bercakap; di samping itu, mereka sentiasa mempelajari daripada orang lain dengan hati yang terbuka dan memperbaiki kesilapan yang sedia ada (子曰：“君子食无求饱，居无求安，敏于事而慎于言，就有道而正焉，可谓好学也已。”) (*Lunyu*: 1.14).

Jadi, P23 cuba meninjau sama ada “orang Cina sentiasa menunjukkan sikap yang minat belajar tidak kira dalam apa-apa bidang”. Pada amnya, responden setuju dengan hal ini (K 87% dan B 72%) melainkan golongan muda B iaitu kedua-dua golongan lelaki (LB1) dan perempuannya (PB1) masing-masing memberi peratusan yang paling rendah iaitu 60%.

Bagi pemikiran Konfusianisme, sikap minat belajar itu penting sekali kerana seseorang yang enggan belajar mempunyai banyak kelemahan. Konfusius berpendapat jika seseorang sukakan nilai perikemanusiaan tetapi enggan belajar, maka beliau mudah dipermainkan orang (好仁不好学，其蔽也愚); jika sukakan nilai kepercayaan (*xin*) iaitu saling mempercayai, tetapi enggan belajar, maka mudah dipergunakan orang (好信不好学，其蔽也贼); bagi orang yang bersikap tulus tetapi

enggan belajar, maka mereka mudah menyakitkan hati orang bila berucap (好直不好学，其蔽也绞); orang yang sukaikan nilai keberanian tetapi enggan belajar, maka mudah menimbulkan masalah dan sebagainya (好勇不好学，其蔽也乱。) (*Lunyu*: 17.8).

Bagi responden seperti Tan Sin Jim, walaupun apa yang disebut oleh Konfusius tidak pernah dipelajarinya, tetapi beliau memang bersetuju dengan sikap minat belajar kerana ia merupakan faktor penggalak untuk seseorang mencapai kemajuan diri. Beliau berkeyakinan bahawa seseorang yang sentiasa mencapai kemajuan diri akan berjaya dalam bidang yang diceburi. Dengan itu, beliau selalu menasihatkan anak dan cucunya untuk memupuk sikap minat belajar dalam kehidupan mereka.

Negara China tradisi merupakan sebuah masyarakat yang pentingkan nilai etika. Dalam masyarakat sebegini, gerak-geri dan pertuturan seseorang sentiasa dikawal oleh nilai etika yang sedia ada. Dalam kehidupan masyarakat dan kehidupan keluarga, prinsip-prinsip etika dijadikan panduan dalam menentukan betul atau salah kelakuan seseorang (Wen Chongyi, 1989: 50).

Ekorannya, dalam sesebuah keluarga Cina tradisi, pendidikan keluarga meletakkan pendidikan etika pada tempat yang terpenting. Pendidikan etika pula meletakkan tumpuannya pada prinsip-prinsip etika Konfusianisme. Untuk membolehkan anak-anak memahami dan menuruti kawalan-kawalan etika (道德规范) sejak kecil lagi, maka orang-orang dahulu memikirkan pelbagai cara.

Bagi mereka yang mempunyai peluang belajar, mereka akan diarahkan untuk memahami dan menghafal Empat Buku dan Lima Klasik; untuk mereka yang tidak ada peluang belajar, maka ajaran keluarga diguna untuk menyalurkan nilai-nilai etikanya

kepada anak-anak. Bagi keluarga yang tidak mempunyai ajaran keluarga sendiri, maka teladan ajaran keluarga seperti *Yanshi Jiaxun*, *Yuanshi Shifan*, *Zhuzi Zhijia Geyan* dan lain-lain lagi mungkin dijadikan panduan dalam sesebuah keluarga itu.

Dengan itu, dalam bidang pendidikan, buku-buku yang biasanya dianggap berguna ialah buku-buku yang mengandungi unsur-unsur etika (文以载道), terutamanya penekanan kepada Lima Etika Kebiasaan seperti nilai perikemanusiaan (*ren*), nilai kewajaran (*yi*), nilai tatasusila (*li*), nilai kebijaksanaan (*zhì*) dan nilai kepercayaan (*xin*) (曰仁义，礼智信，此五常，不容紊) (*Sanzijing*) yang boleh memupuk personaliti dan peribadi seseorang. Oleh kerana nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa mendapat tempat yang tinggi antara semua nilai etika yang lain, maka cerita-cerita dalam *Ershisi Xiao* 二十三孝 (24 Teladan Berbakti)¹³⁴ telah ditulis dalam buku-buku untuk dihayati, dipelajari dan diteladani oleh anak-anak.

Kini, zaman berubah, perkembangan sains dan teknologi nampaknya lebih dipandang penting dalam kehidupan masyarakat sekarang. Buku-buku berkaitan bidang ini semakin hari semakin banyak dalam pasaran. Dalam keadaan ini, apakah pandangan responden tentang buku-buku yang menekankan nilai-nilai etika? Seperti apa yang ditanya dalam P9, adakah “buku yang mengisarkan nilai-nilai etika merupakan buku-buku yang terbaik untuk anak-anak?”

Sambutan yang tinggi diberi terutamanya oleh golongan tua dan tertua, iaitu peratusan lebih setuju dan amat setuju berada antara 75% hingga 100% bagi semua golongan. Peratusan yang terendah (30%) diberi oleh PK yang berumur antara 10-29 tahun. Peratusan kedua rendah (60%) juga diberi oleh golongan keturunan iaitu LK

¹³⁴ *Ershisi Xiao* boleh didapati dalam Wen Shao , an, 1995: 89-106.

yang berumur 30-49 tahun. Hal ini mendedahkan sesetengah golongan muda cenderung memilih buku-buku yang bukan berunsur etika sebagai keutamaan mereka.

Terdapat responden bersetuju bahawa pendidikan etika mempunyai kepentingannya, tetapi cara pendidikan lama memaksa anak-anak menghafal fakta-fakta berunsur etika tanpa memahaminya, cara ini tidak membawa sebarang manfaat kepada anak-anak tetapi hanya menakutkan mereka justerunnya menghadkan daya pemikiran mereka.

Memandangkan pendidikan mendapat kedudukan yang penting dalam keluarga Cina, maka soalan seterusnya cuba meninjau sejauh manakah ibu bapa orang Cina sanggup mengorbankan wang untuk membolehkan anaknya meneruskan pendidikan yang diingini. Didapati golongan tua dan golongan tertua sangat yakin dengan kewajipan pengorbanan ibu bapa terhadap pendidikan anak melainkan PK3 mencapai 50% sahaja. Orang muda seperti PK yang berumur antara 10-29 tahun pula menunjukkan peratusan “lebih setuju dan amat setuju” yang setinggi 20% sahaja.

Dengan itu, dari segi perkembangan umur, kelihatan “peratusan amat setuju” semakin meningkat bagi PK bermula daripada orang muda kepada orang tua iaitu 10%-30%-50%-75%. Ini menunjukkan orang muda hari ini tidak bersedia untuk mengorbankan kesemua harta bendanya semata-mata untuk pendidikan anak-anak pada masa depan. Ada antara mereka menyatakan jika duit habis diguna untuk tujuan pendidikan anak, diri sendiri yang akan dapat susah nanti, kerana anak-anak tidak semestinya akan membala budi ibu bapa bila mereka berjaya kelak.

Seterusnya, akan dibincang tentang kepentingan pendidikan keluarga. Dalam masyarakat Cina tradisi, seseorang itu biasanya menghabiskan seumur hidupnya di

dalam keluarga. Dengan itu, pemikirannya, pengetahuannya, tingkah lakunya, nilai-nilai etikanya, semuanya diperolehi daripada pendidikan keluarga (Cheng Li, 1998: 150).

Pepatah lama berbunyi: “Memelihara anak tanpa mendidiknya, ini kesalahan bapa” (养不教，父之过) (*Sanzijing*); “bapa tegas, anak baik” (但有严父，必出好子) (Shi Jincheng 石金成, *Chuanjiabao* 传家宝); “Tanpa bapa yang tegas dan guru yang baik, ... tidak akan hasilkan orang yang berguna.” (非严父良师, , 未有能成大器者。) (Zhao Minxian 赵民献, *Cuigu mingyan* 粹古名言) (Lin Wenyi & Wang Zhengwu, 1995: 20-21) Ini menunjukkan seseorang ketua keluarga memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik anaknya. Ekorannya, pendidikan keluarga yang ketat dan tegas diamalkan agar anak-anak dapat dididik menjadi orang yang beretika dan berguna bila dewasa nanti.

Dalam perlaksanaan pendidikan keluarga yang tegas, pepatah berikut sentiasa dijadikan panduan dalam mendidik anak: “Batu jed jika tidak dipahat, tidak akan menjadi alatan yang berguna” (玉不琢，不成器) (*Sanzijing*); “mendidik anak jika tidak tegas, maka ini disebabkan kemalasan guru” (教不严，师之惰) (*Sanzijing*); “anak jika tidak dipukul tidak akan menjadi orang yang berguna” (不打不成器) dan lain-lain lagi (Li Qingshan, 1996: 138-139). Hari ini, apakah pandangan kita tentang pendidikan yang ketat atau tegas? Adakah ia baik untuk anak-anak kita?

Keputusan P2 menunjukkan persetujuan yang tinggi diberi oleh LK iaitu 83.3% responden lebih setuju dan amat setuju manakala PB memberi peratusan yang paling rendah iaitu 44.4% sahaja yang setuju. Dari pemerhatian yang dijalankan di Kampung Cina, kelihatan K (77.8%) lebih menekankan pendidikan keluarga yang tegas jika dibanding B (58%).

Walau bagaimanapun, kelihatan ketua-ketua keluarga keturunan Kapitan biasanya hanya tegas dalam pertuturan, iaitu menasihati anak-cucu dengan suara yang tegas jika mereka tidak memberi perhatian dalam pelajaran mereka atau melakukan sesuatu kesalahan. Diperhatikan juga bahawa tradisi merotan jarang-jarang digunakan dalam mendidik anak.

Bagi kategori LK dan PK, peratusan yang amat setuju meningkat dari golongan muda hingga golongan tua di mana bagi LK: 0%-40%-83.3%-100% manakala PK: 20%-50%-50%-75%. Keputusan ini menunjukkan orang yang tertua usianya paling tegas dalam mendidik anak. Kecenderungan ini memang boleh dijangkakan kerana mereka ialah generasi yang mendapat pengaruh pendidikan tradisi.

5.1.6 Lain-lain Nilai Etika

Ajaran keluarga menyarankan bahawa sifat kerajinan (*qin*) dan sikap berjimat-cermat (*jian*) ialah dua elemen yang penting dalam sebuah keluarga (居家切要，在勤俭二字。) (Yao Shunmu, Yaoyan). Kedua-dua nilai etika ini sentiasa dibincang bersama seperti: “Kerajinan dan jimat-cermat ialah asas membangunkan diri” (勤俭为立身之本) (Zupu Jiaxun Jicui: “Qi Jiazheng”); “kerajinan dan jimat-cermat ialah cara untuk menyara hidup” (勤与俭，治生之道也) (Zhu Bolu, Quanyan 劝言¹³⁵ [Kata-kata Nasihat]); “golongan orang terpelajar, petani, pekerja dan peniaga yang rajin dan jimat-cermat, sentiasa memajukan diri setiap hari.” (士农工商，凡勤且俭者，大多日进。) (Zupu Jiaxun Jicui: “Qi Jiazheng”) Dengan itu, ajaran keluarga

mengatakan bahawa suatu kerjaya boleh mendapat kejayaan biasanya adalah terhasil daripada sifat kerajinan dan jimat-cermat (大抵事业成立，总因勤俭。) (*Zupu Jiaxun Jicui*: “Qi Jiazheng”).

Kerajinan merujuk sikap seseorang dalam mengusahakan sesuatu. Pada zaman tradisi, orang Cina sentiasa diseru untuk rajin berusaha iaitu pepatah lama mengatakan: “Kehidupan rakyat berdasarkan kerajinan, orang yang rajin tidak menghadapi kekurangan dalam hidupnya.” (民生在勤，勤则不匮。) (Luo Guojie, 1995: 82)

Jimat-cermat pula merujuk sikap tidak boros seseorang dalam penggunaan wang dan barang-barang. Pepatah lama sentiasa menasihatkan orang supaya jangan boros kerana “hanya sikap berjimat-cermat akan memelihara etika seseorang” (惟俭养德) (Luo Guojie, 1995: 82).

Pada zaman tradisi, kesukaran hidup di negara China menyebabkan orang Cina terpaksa rajin bekerja dan berjimat-cermat. Arthur Henderson Smith (1845-1932)¹³⁵ dalam bukunya yang terkenal *Chinese Characteristics* (中国人的性格) ada menulis tentang kedua-dua sifat yang dimiliki orang Cina ini. Di negara China tradisi, pekerjaan secara amnya dibahagikan kepada empat kategori iaitu pegawai kerajaan, petani, tukang dan peniaga. Smith telah menjalani pemerhatian yang terperinci ke atas

¹³⁵ *Quanyan* boleh didapati dalam Bao Dongbo, 1991: 336-340.

¹³⁶ Arthur Henderson Smith, dengan nama Cinanya 明恩溥 (Ming Enpu) merupakan seorang penyebar agama Kristian (Methodist). Beliau datang ke negara China pada tahun 1872, dan memulakan kehidupan menyebar agama Kristian di Tianjing, kemudiannya di Shandong. Di samping itu, beliau juga seorang penulis bagi suratkhabar asing. Beliau memulakan kehidupan mengarang pada tahun 1905 dan telah menghasilkan banyak tulisan mengenai negara China. Oleh kerana beliau berada di negara China menghampiri 50 tahun, maka kajian beliau mengenai masyarakat Cina amat mendalam sekali dan usahanya mendapat pujian daripada ahli-ahli akademik seperti Luxun 鲁迅, Pan Guangdan 潘光旦 dan lain-lain lagi (Arthur Henderson Smith, 1998: 428).

keempat-empat golongan ini dan mendapati amat sukar sekali untuk melihat orang Cina yang bersikap malas. Baginya, orang Cina selain daripada masa tidur (itu pun untuk beberapa jam yang pendek sahaja), mereka tidak akan berhenti daripada bekerja (Arthur Henderson Smith, 1998: 21-25).

Berkenaan sikap berjimat-cermat pula, didapati cara pemakanan orang Cina amat ringkas sekali iaitu nasi disertakan dengan sedikit sayur, kacang dan kadang-kadang ikan, maka cukuplah untuk menahan kelaparan. Mereka jarang-jarang mengambil makanan daging melainkan hari khas seperti perayaan besar Tahun Baru Cina dan sebagainya (Arthur Henderson Smith, 1998: 13).

Keseluruhananya, sikap jimat-cermat ada banyak kebaikannya. Ajaran keluarga menyeru orang menahankan diri demi mengutamakan sifat kerajinan dan tidak bersifat malas dalam kehidupan (撙持勤苦为上，不可懒惰为生。) (“Liuyan Zazi” “六言杂字”¹³⁷ [Puisi Berperkataan Rampaian Enam Patah]). Kalau orang jimat-cermat dalam makanan, jimat-cermat dalam perbelanjaan dan jimat-cermat dalam penggunaan, maka dapatlah menimbunkan bijirin, menimbunkan wang dan menimbunkan emas (省吃省费省用，积谷积钱积金。) (“Liuyan Zazi”). Dengan itu, orang-orang diseru agar berjimat-cermat sekali-sekala, jangan tunggu sampai kesempitan wang baru hendak meminta daripada orang lain (宁可有时减省，莫待无时求人。) (“Liuyan Zazi”).

Hari ini, kehidupan orang Cina sudah banyak berubah. Kebanyakan orang Cina tidak lagi mengalami kelaparan seperti nenek moyang dahulu. Jadi adakah mereka masih menganggap kerajinan dan jimat-cermat itu suatu nilai yang perlu

¹³⁷ “Liuyan Zazi” boleh didapati dalam Wen Shao’ an, 1995: 134-147.

disanjung tinggi? Didapati peratusan lebih setuju dan amat setuju bagi P28 secara amnya berada pada paras 80%. Antaranya, responden K yang lebih setuju dan amat setuju berada antara 53.3% hingga 100% manakala responden B pula berada antara 71.4% hingga 87.5%. Selain itu, golongan tua dan golongan tertua kebanyakannya lebih setuju dan amat setuju setinggi 67% hingga 100%. Bagi golongan muda yang lebih setuju dan amat setuju pula, peratusannya terletak antara 50% hingga 100%.

Di Kampung Cina, bagi keluarga yang masih adanya orang tua seperti keluarga Tan Sin Jim, keluarga Wee Yeu Hui dan keluarga Cheah Phee Thiam, kelihatan sikap jimat-cermat memang diamalkan dalam banyak aspek. Di rumah Tan Sin Jim, beliau tidak membenarkan menantu perempuannya memasak secara banyak melainkan hari perayaan atau hari penyembahan untuk nenek moyang. Di rumah Cheah Phee Thiam, cara makan mereka lebih ringkas lagi, iaitu dengan adanya sedikit lauk-pauk sahaja, sudah cukup untuk sarapan petang atau malam. Dari segi peralatan rumah pula, ketiga-tiga buah keluarga ini nampaknya selesa dengan menggunakan alat-alat perkakas yang lama, serta perabot lama seperti kerusi-meja lama, katil-katil lama dan sebagainya yang kebanyakannya diperbuat daripada kayu.

Di samping nilai etika kerajinan dan jimat-cermat, pemikiran Konfusianisme juga menyarankan orang untuk tekun berusaha dalam segala bidang yang diceburi. Kekalahan dan kegagalan dalam kehidupan seharusnya bukan menjadi batu penghalang tetapi perlu dipandang sebagai faktor penggalak untuk seseorang bagi meneruskan usahanya, seperti pepatah lama mengatakan bahawa “kekalahan ialah ibu kepada kejayaan” (失败为成功之母).

Bagi Konfusius, semangatnya untuk menghadapi rintangan dan cabaran amat kuat sekali (Ma Xinlai, 1991: 14). Konfusius mengatakan: “Walaupun sudah ketahui bahawa usaha itu tidak dapat membawa hasil, lakukannya juga.” (知其不可而为也) (*Lunyu*: 14.38) Bagi manusia sebarang, semangat Konfusius yang tidak takut kepada kekalahan memang sukar untuk diamalkan.

Jadi, P40 meninjau sama ada seseorang itu akan cuba sedaya-upaya dalam melakukan sesuatu hal, kalau puas telah dicuba tetapi masih menghadapi kegagalan, barulah dibiarkan usaha itu. Didapati peratusan setuju B sedikit lebih tinggi daripada K iaitu 76% berbanding 68.5%. Antaranya, ramai orang tua (LB3 dan PB3) menunjukkan 100% amat setuju dalam hal ini.

Kegigihan dalam menghadapi cabaran sentiasa dialu-alukan oleh orang Cina, akan tetapi, ada antara responden berpendapat jika sudah tahu bahawa sesuatu usaha itu tidak mungkin berjaya tetapi seseorang itu masih meneruskannya, orang itu amat tidak bijak. Menurut responden itu, dunia ini luas, terdapat banyak lagi peluang lain yang boleh dicuba, jadi, mengapa susah-payahkan diri sendiri?

Seterusnya, akan diteliti pula nilai etika keberanian (*yong* 勇). Dalam budaya etika tradisi Cina, keberanian (*yong*) dipandang sebagai salah satu nilai etika yang penting bagi pemikiran etika Konfusianisme. Konfusius berpendapat orang mulia melakukan tiga perkara, salah satunya ialah “orang yang berani tidak takut”, dua lagi yang lain ialah “orang yang berperikemanusiaan tidak bimbang; dan orang yang bijaksana tidak keliru.” (子曰：君子道者三，……，仁者不忧，知者不惑，勇者不惧。) (*Lunyu*: 14.28) Ini bererti, nilai keberanian bersama nilai perikemanusiaan (*ren*) dan nilai kebijaksanaan (*zhi*) dipandang sebagai tiga nilai etika yang penting untuk dicapai oleh manusia sejagat (智仁勇，三达德。) (Luo Guojie, 1995: 71).

Bagi Konfusius, sifat keberanian ialah satu ciri dalaman yang pasti dimiliki oleh orang yang berperikemanusiaan; tetapi orang yang berani tidak semestinya mempunyai nilai perikemanusiaan (子曰：“仁者必有勇，勇者不必有仁。”) (*Lunyu*: 14.4). Konfusius juga menyebut bahawa orang yang berani tetapi tanpa mengetahui tatasusila (*li*) akan melakukan kesilapan (子曰：“勇而无礼则乱。”) (*Lunyu*: 8.2). Dengan itu, jelasnya Konfusianisme berkehendakkan sifat keberanian itu diamalkan bersama dengan nilai etika yang lain.

Pada zaman tradisi, peperangan sering berlaku di negara China. Jadi pemuda-pemudi banyak menunjukkan keberanian mereka di medan peperangan. Tetapi hari ini, zaman telah berubah, manusia tidak lagi melancarkan peperangan dengan sewenang-wenangnya. Dengan itu, zaman yang berlainan mempunyai taksiran yang berlainan bagi nilai keberanian.

P11 cuba melihat keberanian seseorang dalam mengaku kesalahan yang dilakukan kerana menurut *Liji*, “seseorang yang tahu malu [iaitu tahu tentang kesalahannya] mendekati sifat keberanian” (知耻近乎勇) (*Liji*: “Zhongyong”). Peratusan setuju yang diberi sederhana iaitu K 70.4% dan B 66%. Dalam pada itu, bagi peratusan amat setuju, ia bermula dari yang terendah 20% (PK2 dan PB1) sehingga yang tertinggi 100% (PK4). Antaranya, kebanyakan kumpulan memberi peratusan amat setuju setinggi 50% sahaja.

Keputusan di atas menunjukkan bukan semua orang sanggup mengaku kesalahan yang telah dilakukan. Hal ini sebenarnya melibatkan satu faktor yang lain pula iaitu berkenaan “air muka” (面子) seseorang. Orang Cina dikatakan sebagai bangsa yang amat menjaga “air muka” nya demi mengekalkan maruahnya, iaitu jika

mereka melakukan kesalahan, mereka akan cuba sedaya-upaya untuk menafikannya, kerana jika mereka mengaku kesalahan yang dilakukan, mereka akan mendapat malu dan “hilang air muka” (失面子) nya (Arthur Henderson Smith, 1998: 10).

“Tradisi” merujuk budaya yang dipraktikkan pada zaman dahulu iaitu sesuatu yang telah berlepas atau berlalu. Pada zaman Konfusius, Konfusius telah berusaha untuk merumuskan ajaran-ajaran tradisi orang-orang dahulu supaya dijadikan suatu sistem pemikiran bagi kegunaan orang-orang pada zamannya (Arthur Henderson Smith, 1998: 102). Pada zaman Zhu Xi (tokoh Konfusianisme yang tekenal pada dinasti Song), usahanya untuk menganotasikan Empat Buku sekali lagi menunjukkan sikap orang Cina yang pentingkan tradisi, iaitu menyanjung tinggi kepada usaha-usaha lepas yang telah dihasilkan.

Dalam kehidupan orang Cina tradisi, orang Cina cenderung mempraktikkan sesuatu berdasarkan cara tradisi tanpa menyayangkan bagaimana ia boleh dihasilkan. Mereka akan mematuhi kepada cara tradisi tanpa melakukan sebarang perubahan ke atasnya (Arthur Henderson Smith, 1998: 104-105). Pada hari ini, adakah cara tradisi masih mendapat tempat dalam hati orang Cina? P10 cuba bertanya bahawa “cara tradisi walaupun merupakan cara lama, tetapi jika ada pengubahsuaian yang wajar, ia merupakan cara yang baik.”

Melihat secara keseluruhannya, sekurang-kurangnya separuh daripada responden lebih setuju dan amat setuju dengan kenyataan ini iaitu K mencatat 63% dan B 60%. Walau bagaimanapun, bagi peratusan amat setuju, peratusannya agak rendah, iaitu antara 0% hingga 60% sahaja. Ini menunjukkan bagi pandangan mereka, cara tradisi bukannya terbaik bagi keseluruhannya.

Dalam dunia moden ini, ramai berpendapat bahawa cara tradisi walaupun ada baiknya, tetapi pada amnya prosesnya lebih lambat dibanding dengan cara moden. Cara moden banyak menggunakan alat-alat bantuan moden yang boleh menjimatkan banyak masa. Ekorannya, cara moden lebih kerap dipilih.

5.2 Penghayatan dan Pengamalan Nilai Etika Kekeluargaan Konfusianisme

Dalam masyarakat tradisi Cina, unit keluarga paling penting kerana ia tempat menjalani kegiatan ekonomi bagi menyara hidup semua ahli keluarga. Dengan itu, kesinambungan keturunan sesebuah keluarga, keharmonian keluarga dan perpaduan keluarga amat dipentingkan agar kegiatan ekonomi keluarga tidak akan terjejas atas apa-apa sebab. Dalam pada itu, nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa disarankan untuk memastikan tujuan-tujuan tersebut akan sentiasa tercapai. Justerunya, anak-anak dididik untuk mengamalkan nilai berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa seperti menuruti kata-kata ibu bapa, melahirkan anak lelaki untuk memastikan kesinambungan keturunan dan lain-lain lagi. Dalam dunia moden ini, adakah unit keluarga masih memberi kepentingan kepada orang Cina?

5.2.1 Kepentingan Keluarga

Keluarga ialah institusi yang terpenting untuk orang Cina (Li Qingshan, 1996: 2). Ini kerana keluarga ialah tempat untuk memastikan kesinambungan keturunan;

keluarga ialah tempat menjalani penyembahan nenek moyang; dan keluarga memberi pergantungan kepada ahli-ahli di dalamnya.

Pada zaman tradisi, keluarga merupakan unit kehidupan manusia yang paling asas. Seseorang itu dilahirkan dalam keluarga dan dibesarkan dalam keluarga. Bila dewasa nanti, seseorang itu masih tinggal bersama keluarga walaupun sudah berkahwin. Beliau akan terus bekerja dengan keluarga sehingga tua. Apabila meninggal dunia nanti, beliau akan ditanamkan dalam tanah perkuburan keluarga. Ringkasnya, seseorang itu tidak dapat elakkan atau larikan diri daripada keluarga bagi seumur hidupnya. Dengan itu, tiada seorang yang sanggup tinggalkan keluarga dengan sesuka hati atau sewenang-wenangnya kerana keluarga ialah satu-satunya tempat berteduh bagi setiap orang (Cheng Li, 1998: 119).

Untuk memastikan keluarga diuruskan dengan baik, maka ahli-ahli keluarganya perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing ke atas keluarga dan mematuhi tatasusila dalam keluarga seperti tatasusila antara bapa dengan anak, tatasusila antara suami dengan isteri, tatasusila antara saudara tua dengan saudara muda. Apabila tatasusila keluarga dipatuhi, maka keharmonian dapat dicapai dalam keluarga.

Melihat dari segi kepentingan nilai, secara keseluruhannya soalan-soalan yang melibatkan kepentingan keluarga iaitu S1, S2, S3 serta S5 menunjukkan peratusan penting¹³⁸ yang melebihi 90%. Dalam padanya, S1 menyentuh tentang kegembiraan bersama keluarga (夫妻母子相谐的天伦之乐) (Zheng Xunzuo dll., 1998: 306).

¹³⁸ "Peratusan penting" sentiasa merujuk kepada gabungan peratusan antara "peratusan lebih penting" dengan "peratusan amat penting".

Orang Cina pentingkan kegembiraan dalam keluarga. Dikatakan seseorang tua yang menikmati kegembiraan keluarga akan senyum pada saat meninggal dunia. Ini menunjukkan orang tua ini berasa puas hati dengan kehidupan yang beliau miliki semasa hidup iaitu biasanya mereka berpuas hati kerana mempunyai anak dan cucu yang berbakti (*xiao*) kepada mereka (Cheng Li, 1998: 201).

Kegembiraan keluarga dalam erti yang luas merujuk keadaan keluarga yang harmoni, iaitu semua ahli keluarga menjalani tanggungjawab masing-masing dengan baiknya, semua orang saling menghormati, tiada perselisihan faham, tiada percaduhan justerunya hubungan yang mesra sentiasa wujud. Apakah pandangan responden mengenai kepentingan kegembiraan keluarga? Didapati peratusan kepentingan yang sangat tinggi diberi oleh B iaitu 96%. Peratusan bagi K walaupun tinggi juga iaitu 85.1%, tetapi ia mencatatkan 10.9% kurang daripada B.

Seterusnya, perbincangan akan menumpu kepada aspek “*he*” (keharmonian) dalam sesebuah keluarga. Ajaran keluarga berpendapat keharmonian itu amat penting sekali untuk rancangan sesebuah keluarga (一家之计在于和) (“Quanbao Qin · en Pian”) kerana “jika keharmonian wujud antara bapa dengan anak, maka keluarga itu tidak akan jatuh (父子和而家不败); jika keharmonian wujud antara adik-beradik, maka keluarga itu tidak akan berpecah-belah (兄弟和而家不分); jika keharmonian wujud antara suami dengan isteri, maka sesebuah keluarga itu akan capai tahap gilang-gemilang (夫妇和而家道兴).” (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*)

Antara beberapa soalan yang menunjukkan peratusan penting yang tinggi, S2 yang menyentuh tentang “kepentingan keharmonian” menunjukkan perbezaan

peratusan antara peratusan penting dengan peratusan perlaksanaan yang tinggi sekali, iaitu berbeza sekurang-kurangnya 30% bagi keseluruhannya. Hal ini mencerminkan orang ramai cenderung berkehendakkan keharmonian tetapi dalam kehidupan sebenar tahap keharmonian itu agak sukar untuk dicapai.

Di samping itu, ajaran keluarga juga mementingkan perbezaan order yang wujud antara saudara tua dengan saudara muda (长幼有序) dalam sesebuah keluarga supaya suasana saling menghormati antara satu sama lain sentiasa dikekalkan. Ajaran keluarga menyarankan banyak peraturan untuk diikuti oleh saudara muda bila berhadapan dengan saudara tua. Antaranya, semasa makan-minum atau semasa duduk dan berjalan, saudara tua melakukannya dahulu kemudiannya barulah diikuti oleh saudara muda di belakang (或饮食，或坐走，长者先，幼者后。) (Li Yuxiu, *Dizigui*). Selain itu, apabila saudara tua berdiri, saudara muda jangan duduk, apabila saudara tua duduk, dengan adanya arahan mereka, barulah saudara muda duduk (长者立，幼勿坐，长者坐，命乃坐。) (Li Yuxiu, *Dizigui*).

Apabila berdepan dengan saudara tua, suara haruslah rendah, akan tetapi janganlah terlalu rendah sehingga tidak dapat didengar orang, ini adalah tidak sesuai (尊长前，声要低，低不闻，却非宜。) (Li Yuxiu, *Dizigui*). Jika bertemu dengan saudara tua dalam pertengahan jalan, saudara muda harus cepat-cepat tampil ke depan untuk bertanya khabar dan memberi salam (路遇长，疾趋揖。) (Li Yuxiu, *Dizigui*).

Melalui keputusan soal selidik yang mencatatkan peratusan penting setinggi 92.3% bagi S3, jelasnya perbezaan order antara saudara tua dengan saudara muda masih dipandang penting dalam sesebuah keluarga. Pengamalannya yang paling menonjol pada hari ini ialah berkenaan tatasusila panggilan nama.

Saudara muda sentiasa diarahkan oleh ibu bapa mereka untuk “memanggil orang” bila bertemu dengan saudara yang lebih tua daripadanya. Pendidikan “tatasusila memanggil orang” ini biasanya dimulakan oleh ibu bapa sejak anak-anak mulai pandai bertutur (子女幼小能言时，父母当教以称呼之礼。) (*Zupu Jiaxun Jicui*: “Zhong Jiaoyang” “重教养”).

Sebagai tanda penghormatan, anak-anak tidak boleh memanggil nama saudara tua secara terus menerus (称尊长，勿呼名) (*Li Yuxiu, Dizigui*), tetapi perlu mengikuti gelaran-gelaran khas berdasarkan hubungan saudara yang sedia ada, contohnya: abang kepada bapa digelar *bofu* 伯父, adik lelaki kepada bapa dipanggil *shufu* 叔父 (父之兄弟，谓之伯父、叔父) (*Yuan Cai, Yuanshi Shifan*: “Muqin”) dan sebagainya.

Melihat kepada peratusan perlaksanaan, didapati peratusannya (86.5%) adalah kurang daripada peratusan kepentingan. Hal ini ada kebenarannya kerana memang terdapat anak-anak yang kurang berminat untuk memanggil saudara tua. Mereka tidak akan “memanggil orang” jika tidak dipaksa oleh ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, didapati amalan “memanggil saudara tua” masih diamalkan dengan baiknya di dalam keluarga keturunan Kapitan di mana responden golongan pertengahan tetap akan “memanggil” responden golongan tua dengan gelaran yang betul sebagai tanda penghormatan.

S4 membangkitkan hal bahawa seseorang itu sentiasa cuba melindungi “orang sendiri” terutamanya ahli keluarga jika mereka melakukan kesalahan undang-undang. Dalam *Lunyu* (13.18), Konfusius menafikan cara seorang anak

menjadi saksi dalam perbicaraan kesalahan ayahnya kepada orang ramai. Bagi Konfusius, hubungan ayah dengan anak seharusnya saling melindungi (子为父隱, 父为子隱, 直在其中矣), jika saling bongkar-membongkarkan rahsia, maka perbuatan ini akan merosakkan hubungan bapa dengan anak (Lin Anhong, 1992: 135).

Secara hairannya, peratusan pentingnya amat rendah sekali iaitu tidak melebihi 30% bagi kedua-dua kategori responden. Dari segi perlaksanaan pula, peratusan yang melakukannya kurang setingkat lagi iaitu tidak mencapai 10%. Salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan ini ialah kerana 76.9% daripada responden mendakwa bahawa keadaan itu tidak pernah dialami mereka, jadi mereka tidak dapat jawab bagi bahagian perlaksanaan.

Menyentuh bantuan yang dihulurkan jika ahli keluarga menghadapi masalah, ajaran keluarga mahu seseorang cuba sedaya upaya dalam memberi pertolongan. Ini kerana manusia dalam dunia ini ramai, tetapi adik-beradik kandung hanya terdiri daripada beberapa orang sahaja (人类至多, 同胞无几。兄弟姐妹之间, 设有贫困急难, 俱当竭力救济。) (*Zupu Jiaxun Jicui*: “Qi Jiazheng”).

Didapati keinginan untuk membantu memang wujud, tetapi bila bantuan benar-benar diperlukan, banyak faktor lain mungkin timbul justerunya menghalang seseorang daripada melakukannya. Jadi dari segi perbezaan peratusan kepentingan dan pengamalan, keluarga keturunan (K) menunjukkan perbezaan peratusan sebanyak 24.1% yang lebih tinggi berbanding keluarga bukan keturunan (B) yang beza peratusnya 16%.

S6 menyentuh tentang kebaikan yang diperuntukkan kepada “orang sendiri”. Sekali lagi responden K memberi peratusan penting (74.1%) yang kurang berbanding

peratusan penting responden B yang setinggi 90%. Perbezaan peratusan kepentingan oleh K dan B memang boleh dijangka kerana soalan berkenaan “orang sendiri” pada 5.1.3 (a) juga memberi perbezaan pandangan yang hampir sama oleh K dan B. Ini membuktikan responden menjawab kertas soal selidik dengan sikap yang berhati-hati dan bertanggungjawab.

S20 berkenaan memberi nama baik kepada keluarga. “Nama baik” di sini merujuk kepada dua aspek, pertamanya ialah tidak memberi malu kepada ibu bapa dan keluarga, keduanya ialah membawa kebanggaan kepada keturunan dan nenek moyang (光宗耀祖).

Pada zaman tradisi, cara yang terbaik untuk tidak membawa malu kepada ibu bapa dan nenek moyang ialah “banyak membaca”. Jika seseorang itu tidak minat untuk membaca, maka beliau dikehendaki belajar bercucuk tanam (养子必教读书，不读就要学耕) (“Liuyan Zazi”); jika enggan membaca dan juga enggan bercucuk tanam, sikap yang bermain-main ini macam mana jadi orang (若是不读不耕，浪荡怎得成人？) (“Liuyan Zazi”)? Sikap ini bukan sahaja akan memalukan nenek moyang, tetapi juga akan diketawakan oleh saudara mara, kawan dan jiran (玷辱祖宗父母，贻笑戚友亲邻。) (“Liuyan Zazi”).

Dalam pada itu, seseorang jika berminat untuk belajar sehingga akhirnya berjaya melulusi peperiksaan awam kerajaan, maka keluarganya akan mendapat nama baik justerunya menarik perhatian orang ramai umpama pintu rumahnya telah bertambah warnanya (榜上有名，蓬门增色。) (Zhou Xitao, *Chongding Zengguang Xianwen*).

Keputusan S20 menunjukkan peratusan penting bagi memberi nama baik kepada keluarga adalah sederhana iaitu 77.8% dan 74% bagi K dan B masing-masing. Dari segi perlaksanaan, K dan B sama-sama juga memberi peratusan beza yang besar iaitu 33.4% dan 34% menyebabkan peratusan perlaksanaannya ada pada paras sekitar 40% sahaja. Fenomena ini menandakan orang Cina walaupun bercita-cita untuk membawa nama baik kepada keluarga, tetapi ia bukan sesuatu perkara yang mudah dicapai.

Dalam dunia moden ini, didapati orang-perseorangan lebih mementingkan kejayaan untuk diri dan bukannya kejayaan untuk keluarga. Contohnya kejayaan dalam pelajaran sendiri dan kemudiannya kejayaan dalam kerjaya sendiri yang boleh mencerahkan lagi masa hadapan diri sendiri.

Kecenderungan ini sebenarnya juga dipengaruhi oleh pemikiran Konfusianisme kerana pemikiran Konfusianisme menyarankan pandangan hidup yang positif (Huang Guangguo, 1994a: 162) iaitu menggalakkan orang supaya “sentiasa bertindak” (*you wei* 有为) yakni berusaha gigih demi mencapai kejayaan hidup.

Orang Cina dari zaman dulu lagi memang terkenal dengan orientasi-orientasi nilai seperti: “Mengejar kesempurnaan” (追求完美 atau *striving for betterment*), “keinginan untuk mendapat pendidikan” (渴求教育 atau *desire for education*), “orientasi kejayaan” (成功取向 atau *success orientation*) dan “orientasi pencapaian” (*achievement orientation* 成就取向) (Huang Guangguo, 1994a: 146). Akan tetapi pengejaran kepada peningkatan imej diri dan kedudukan kewangan yang kukuh itu lebih disebabkan faktor diri dan bukannya faktor keluarga semata-mata.

S22 diubahsuai daripada kata-kata Konfusius dalam *Lunyu* (1.11) iaitu “lihat cita-cita seorang anak bila bapanya masih hidup, lihat tingkah laku anak itu bila bapanya sudah meninggal dunia, selama tiga tahun tidak berubah daripada cara bapa, maka beliau boleh disebut sebagai anak yang berbakti (*xiao*) kepada bapanya.” (子曰：父在，观其志；父没，观其行；三年无改于父之道，可谓孝矣。) Ini bererti seseorang itu harus mewarisi pekerjaan bapanya (子承父业) (*Youxue Gushi Qionglin*: “Zusun Fuzi” “祖孙父子”) atau melaksanakan cita-cita bapanya seperti apa yang ditekankan dalam *Zhongyong* (Bab 19) iaitu “orang yang berbakti (*xiao*) ialah orang yang pandai mewarisi atau menyambung cita-cita orang” (夫孝者，善继人之志。).

Keputusan secara keseluruhannya memberi peratusan penting yang agak rendah iaitu 47.1% sahaja. K dan B nampaknya berpendapat sama (masing-masing 46.3% dan 48%) dan peratus perlaksanaannya juga sama iaitu 24%. Akan tetapi perlu diambil perhatian bahawa terdapatnya 38.5% daripada kesemua responden yang tidak menjawab bagi bahagian perlaksanaan kerana mereka belum menghadapi keadaan sedemikian.

Sebenarnya, perwarisan pekerjaan bapa oleh anak menjadi semakin tidak mungkin pada zaman moden ini. Ini kerana, setelah anak-anak menerima pendidikan yang lebih tinggi, mereka didedahkan kepada pelbagai bidang pekerjaan, ekorannya minat anak-anak yang dibentuk amat luas. Jadi, kebanyakannya daripada mereka lebih suka cuba nasib mereka sendiri daripada mewarisi pekerjaan (contohnya perniagaan) ibu bapa yang sedia ada.

Di samping itu, pendidikan keluarga yang ketat memang dianggap penting iaitu S42 menunjukkan peratusan pentingnya mencapai 80%. Akan tetapi, ia lebih

dipandang sebagai satu teori sahaja kerana dari segi pengamalannya, K dan B masing-masing hanya mencapai 53.7% dan 54% sahaja. Seperti yang dikatakan sebelum ini, kebanyakan ibu bapa hari ini tidak melahirkan anak yang ramai, dengan itu mereka amat menyayangi anak-anak mereka sehingga tidak sampai hati untuk memberi pendidikan keluarga yang ketat.

5.2.2 Berbakti Semasa Ibu Bapa Masih Hidup

Dari segi berbakti kepada ibu bapa, pemikiran Konfusianisme menyarankan pelbagai cara untuk diamalkan oleh anak-anak semasa ibu bapa masih hidup. Antaranya, pemeliharaan dan penghormatan harus diberi kepada ibu bapa (*Lunyu*, 2.7); anak tidak boleh menentang kata-kata ibu bapa (*Lunyu*, 4.18); anak harus menyambung pekerjaan ibu bapa (*Lunyu*: 1.11) dan sebagainya telah dibincangkan sebelum ini.

Seterusnya, akan dikemukakan lagi beberapa cara yang lain dalam amalan berbakti kepada ibu bapa menurut pemikiran Konfusianisme. Konfusius menyebut: “Apabila ibu bapa masih hidup, jangan menjelajah ke tempat jauh. Jika terpaksa juga pergi, maka perlu memberitahu ibu bapa ke mana destinasinya.” (子曰：父母在，不遠游，游必有方。) (*Lunyu*: 4.19) Selain itu, apabila Meng Wubo 孟武伯 bertanya tentang cara berbakti kepada ibu bapa, Konfusius menjawab: “Berasa bimbang terutamanya ke atas masalah kesihatan ibu bapa.” (孟武伯問孝，子曰：“父母唯其疾之忧。”) (*Lunyu*: 2.6)

Selain daripada *Lunyu*, amalan berbakti kepada ibu bapa banyak disentuh oleh ajaran keluarga kerana prinsip berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa merupakan asas kepada segala tingkah laku yang bermoral (孝，德之本也) (*Xiaojing*: Bab 1) dan antara ratusan tingkah laku yang baik, amalan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa dipandang sebagai perkara terpenting yang harus dilakukan terlebih dahulu (百善孝为先；孝为百行首) (“Quanxiaoge” “劝孝歌”¹³⁹ [Puisi Menasihatkan Amalan Berbakti]).

Sebuah ajaran keluarga bertajuk *Dizigui* (Peraturan Anak Murid) menyarankan perlaksanaan amalan berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa merupakan peraturan pertama yang mesti diamalkan oleh anak-anak. Dalam ajaran keluarga ini, anak-anak diseru agar bertindak cepat jika dipanggil oleh ibu bapa mereka, jangan bersikap malas bila diarah untuk membuat sesuatu oleh ibu bapa dan harus menuruti kepada ajaran-ajaran ibu bapa (父母呼，应勿缓；父母命，行勿懒；父母教，须顺承。) (Li Yuxiu, *Dizigui*).

Di samping itu, anak-anak juga dikehendaki memberi perhatian kepada kehidupan harian ibu bapa iaitu bertanya khabar pada waktu pagi dan mengemaskan katil pada sebelah malam untuk memastikan ibu bapa dapat tidur lena (晨则省，昏则定。) (Li Yuxiu, *Dizigui*). Bila keluar dari rumah, anak-anak mesti memberitahu ibu bapa ke mana hendak pergi dan bila kembali ke rumah, anak-anak mesti berjumpa dengan ibu bapa supaya mereka tidak khuatir (出必告，反必面。) (Li Yuxiu, *Dizigui*).

Dizigui juga mahukan anak-anak menjaga diri baik-baik kerana jika badan mereka tercedera, ibu bapa akan berasa bimbang dan jika mereka tidak mempunyai

¹³⁹ “Quanxiaoge” boleh didapati dalam Wen Shao’ an, 1995: 85-88.

kelakuan moral yang baik, ibu bapa akan mendapat malu (身有伤, 贻亲忧; 德有伤, 贻亲羞。) (Li Yuxiu, *Dizigui*). Apabila ibu bapa jatuh sakit, maka anak-anak harus cuba terlebih dahulu sesuatu ubat itu sebelum diberi kepada ibu bapa mereka; dalam pada itu, anak-anak harus menemani ibu bapa sepanjang pagi dan malam tanpa meninggalkan mereka (亲有疾, 药先尝, 昼夜侍, 不离床。) (Li Yuxiu, *Dizigui*).

Keseluruhannya, anak-anak diseru agar jangan mendinginkan hati ibu bapa (孝子事亲, 不可使亲有冷澹心), jangan menyebabkan hati ibu bapa risau (不可使亲有烦恼心), jangan menakutkan hati ibu bapa (不可使亲有惊怖心), jangan menyedihkan hati ibu bapa (不可使父母有愁闷心), jangan menyebabkan ibu bapa mempunyai perasaan benci (不可使亲有怨恨心), jangan menyebabkan ibu bapa berasa kesal (不可使亲有愧悔心), jangan menyebabkan ibu bapa berasa kekurangan (不可使亲有缺少心) dan jangan menyebabkan ibu bapa berasa sukar dalam menyebut sesuatu (不可使亲有难言心) (Deng Chun 邓淳, *Jiafan Jiyao* 家范辑要 [Koleksi Teladan Keluarga])¹⁴⁰.

Pada masa yang sama, seseorang anak harus melaksanakan cita-cita ibu bapa, mencuba sedaya upaya untuk memenuhi kehendak mereka, maka ini disebut sebagai menggembirakan ibu bapa, memelihara ibu bapa berdasarkan kehendak mereka dan melaksanakan nilai etika kepatuhan kepada ibu bapa (先意承志, 尽力服劳, 此之谓悦亲, 此之谓色养, 此之谓顺德。) (Deng Chun, *Jiafan Jiyao*).

Berdasarkan cara-cara berbakti kepada ibu bapa yang dikemukakan di atas, 16 soalan telah disediakan untuk meninjau sejauh manakah pentingnya nilai-nilai itu

¹⁴⁰ *Jiafan Jiyao* boleh didapati dalam Yang Jie, 1992: 310-364.

dan bagaimanakah perlaksanaannya semasa ibu bapa masih hidup. Sambutan yang baik ditunjukkan oleh responden secara keseluruhannya di mana peratusan penting yang tinggi diberi oleh mereka.¹⁴¹

Bagi keputusan secara keseluruhannya, banyak soalan telah mencatatkan peratusan penting yang melebihi 90%. Antaranya S7 berkenaan memelihara ibu bapa; S8 berkenaan melayani ibu bapa dengan baik; S9 berkenaan menghormati ibu bapa; S10 berkenaan memerhatikan kesihatan badan ibu bapa; S11 berkenaan memberi perhatian kepada makan-minum dan kehidupan ibu bapa; S13 berkenaan mengambil giliran untuk menjaga ibu bapa bila mereka jatuh sakit; S16 berkenaan berterima kasih kepada ibu bapa; S17 berkenaan menemani ibu bapa serta berbual-bual dengan mereka; S19 berkenaan tidak melakukan hal-hal yang menghampaskan ibu bapa dan S24 berkenaan memaafkan ibu bapa bila mereka melakukan kesalahan.

Walau bagaimanapun, dari segi perlaksanaan, peratusannya sentiasa kurang daripada peratusan kepentingan. Beza peratusnya yang paling kecil ialah 5.6%, berlaku pada S9 bagi K. Beza peratus yang paling besar (30%) pula ditunjuk oleh B pada S13. Selain itu, S11, S15 dan S17 turut menunjukkan beza peratus yang melebihi 20%.

Beza peratus antara peratusan penting dengan peratusan perlaksanaan yang tinggi secara tidak langsungnya menunjukkan bahawa K dan B sama-sama tidak memberi perhatian yang secukupnya kepada aspek makan-minum dan kehidupan ibu bapa, begitu juga dengan hal temankan ibu bapa dan berbual-bual dengan ibu bapa.

¹⁴¹ Kebanyakan daripada cara-cara yang disebut juga dibincangkan oleh Lin Anhong 林安弘 (1992: 138-140) dalam bukunya *Kajian Prinsip Berbakti [Xiao] Konfusianisme* (儒家孝道思想研究).

Di samping itu S15 juga memaklumkan bahawa 77.7% daripada K dan 82% daripada B menganggap “bersabar ketika menasihati ibu bapa” itu penting, akan tetapi, mereka yang dapat melaksanakannya hanya mencapai peratusan sekitar 50% sahaja.

Berkenaan menuruti kata-kata ibu bapa (S14) pula, K memberi peratusan pentingnya sebanyak 75.9% manakala B lebih rendah iaitu 68% sahaja. Hal ini menunjukkan suara ibu bapa tidak lagi berkesan seperti zaman tradisi atau dengan perkataan lain, apa yang diperkatakan oleh ibu bapa hari ini tidak lagi dipandang sebagai suatu autoriti. Melihat kepada keputusan perlaksanaan, didapati mereka yang menuruti kata-kata ibu bapa hanya mencapai 61.2% bagi K dan 56% bagi B.

Dalam bahagian 5.2.2 ini, peratusan kepentingan yang paling rendah berlaku pada S18. S18 menyebut bahawa jika ibu bapa masih hidup, elakkan daripada menjelajah ke tempat jauh (*Lunyu*: 4.19). Peratusan penting mencatat setinggi 59.2% bagi K dan 64% bagi B sahaja. Dari segi perlaksanaan, beza peratusnya dianggap kecil iaitu tidak melebihi 10%. Pada zaman tradisi, anak-anak tidak digalakkan untuk tinggalkan kampung halaman. Ini kerana sistem perhubungan dan sistem pengangkutan yang ada pada masa itu tidak maju, justerunnya, ia menyukarkan anak-anak berhubung dengan ibu bapa mereka.

Hari ini, keadaan telah banyak berubah, sistem telekomunikasi yang begitu maju telah wujud untuk mengatasi sebarang kesukaran yang timbul apabila menjelajah ke tempat jauh. Penggunaan telefon, telegram sehingga internet menerusi komputer dan lain-lain lagi memastikan hubungan yang sedia terjalin tidak akan putus sama sekali. Jadi, jarak yang jauh antara manusia bukan lagi suatu masalah yang menghalangkan hubungan bagi dua pihak.

Seterusnya, akan dibincangkan peratusan perlaksanaan yang paling rendah bagi bahagian 5.2.2 ini. Ianya berlaku pada S21 yang berbunyi: “Tidak menentang kata-kata ibu bapa.” Dari segi peratusan kepentingan, K dan B masing-masing mencapai 87% dan 74%. Ini bererti sekurang-kurangnya 70% daripada responden bersetuju agar jangan menentang kata-kata ibu bapa, tetapi apabila sampai kepada keadaan dalam kehidupan harian, bagaimakah reaksi mereka?

K menunjukkan beza peratus yang amat besar sekali iaitu setinggi 42.5%. Bagi B pula, beza peratusnya juga tinggi, iaitu mencapai 30%. Ini bererti peratus perlaksanaan mereka ialah serendah 44.5% dan 44% bagi K dan B masing-masing. Demikian juga dengan S23 yang bertanya tentang kepentingan “menghormati pendapat ibu bapa”, boleh dijangka bahawa responden akan menganggap ia penting tetapi dari segi perlaksanaan, sudah pasti ia sukar diamalkan dengan baiknya.

Kenyataan-kenyataan di atas menjelaskan walaupun sesuatu nilai itu dipandang penting, tetapi untuk melaksanakannya didapati amat sukar sekali. Dengan kata lain, menentang kata-kata ibu bapa dan tidak menghormati pendapat ibu bapa bukanlah suatu kejadian yang luar biasa di kalangan responden. Hal ini memang banyak berbeza dengan zaman tradisi di mana ibu bapa mempunyai autoriti tertinggi yang tidak boleh diancam oleh mana-mana pihak.

5.2.3 Berbakti Selepas Ibu Bapa Meninggal Dunia

Bahagian ini memberi tumpuan khas dalam membincangkan hal-hal yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk ibu bapa atau nenek moyang yang telah meninggal dunia. S25 dan S26 mempunyai perkaitan rapat iaitu bertanya tentang reaksi seseorang bila ibu bapa meninggal dunia.

S25 menyatakan apabila ibu bapa meninggal dunia, anak akan pulang untuk menghadiri upacara pengebumian tidak kira berapa jauh anak itu berada. Peratusan penting yang tinggi ditunjukkan oleh K (94.4%) dan B (90%). Bagi aspek perlaksanaan, K dan B sama-sama memberi peratusan pada sekitar 60%. Beza peratus yang besar ini banyak dipengaruhi oleh peratusan di bawah X iaitu sebanyak 30.7% responden belum menghadapi keadaan seperti yang disebut dalam S25.

S26 menyatakan upacara pengebumian ibu bapa harus dijalankan berdasarkan adat yang sedia ada (死，葬之以礼。) (*Lunyu*: 2.5). Bagi orang dahulu, upacara kematian dan upacara pengebumian ialah perkara penting, jadi adat yang berkaitan haruslah dilaksanakan dengan sepenuhnya (丧葬送终为大事，礼宜从厚。) (Pang Shangpeng, *Pangshi Jiaxun*: “Zun Lidu” “遵礼度” [Mematuhi Adat]).

Peratusan penting yang diberi berada pada tahap sederhana bagi kedua-dua kategori iaitu 77.7% bagi K dan 78% bagi B. Dari segi perlaksanaan, kebetulannya, kedua-dua kategori K dan B juga memberi peratusan yang hampir sama iaitu 55.6% bagi K dan 54% bagi B. Sekali lagi, keputusan itu dipengaruhi oleh peratusan X iaitu sebanyak 24.1% bagi K dan 36% bagi B belum mengalami keadaan sedemikian.

Kemudiannya, responden dikemukakan soalan 27 iaitu “semasa berkabung, makan secara ringkas dan pakai secara ringkas” . Menurut ajaran keluarga, dalam tempoh berkabung selama tiga tahun ini, anak yang taat (*xiao*) kepada ibu bapa akan sentiasa menunjukkan kesedihannya. Tempat tinggal yang sesuai akan dipilih, minuman arak tidak akan disentuh dan makanan daging diberhentikan (喪三年，常悲咽，居处辨，酒肉絕。) (Li Yuxiu, *Dizigui*). Selain itu, pakaian perkabungan wajib dipakai selama tiga tahun, ini bererti pakaian yang berwarna-warni semuanya dilarang sama sekali.

Soalan ini kurang mendapat sambutan terutamanya bagi B iaitu aspek kepentingan nilai diberi sebanyak 46% sahaja berbanding 64.8% bagi K. Bagi soalan ini, peratusan X nya juga agak tinggi iaitu sebanyak 24%, di bawah pengaruh faktor ini, peratusan perlaksanaannya juga rendah iaitu 55.6% bagi K dan 40% bagi B.

Orang Cina memang terkenal dengan pemujaan nenek moyang ekoran daripada pengaruh Konfusianisme. Penyembahan kepada nenek moyang dipentingkan kerana dipercayai roh nenek moyang boleh memastikan keamanan dan kegemilangan sesebuah keluarga. Jadi orang Cina sejak kecil lagi telah dididik untuk menyembah nenek moyang di rumah dan juga di tanah perkuburan.

Ajaran keluarga mengatakan: “Jika ibu bapa telah meninggal dunia dan seseorang anak akan menjelajah ke tempat jauh, anak itu perlu menziarahi ke tanah perkuburan ibu bapa.” (如父母辭世，有遠行，亦必拜墓。) (*Zupu Jiaxun Jicui*: “Chong Xiaodao” “崇孝道” [Memuliakan Prinsip Berbakti]) Walau bagaimanapun, hari ini, orang Cina biasanya menziarahi tanah perkuburan menjelang hari Qingming sahaja.

Bagaimakah pandangan responden tentang tradisi Qingming yang menyarankan anak-cucu untuk bergotong-royong membersihkan kawasan perkuburan ibu bapa dan nenek moyang? Peratusan kepentingannya hampir sama untuk K dan B iaitu 87% dan 88% masing-masing. Dari segi perlaksanaan, kelihatan K hanya dapat laksanakan sebanyak 68.5% tetapi bagi B, buat pertama kalinya, peratusan kepentingan sama dengan peratusan perlaksanaan iaitu 88%.

S29 dan S30 menyentuh tentang penyembahan nenek moyang di rumah. Ajaran keluarga sentiasa menekankan keikhlasan hati seseorang apabila melakukan penyembahan (祭 尽 诚) (Li Yuxiu, *Dizigui*) walaupun nenek moyang telah jauh meninggalkan kita (祖宗 虽 远, 祭祀 不 可 不 诚。) (Zhu Bolu, *Zhijia Geyan*).

Mengenai penjagaan kepada papan nenek moyang nenek moyang (S29), peratusan kepentingan yang sederhana ditunjukkan iaitu 79.6% bagi K dan 76% bagi B. Dari segi pengamalan, sekali lagi K menunjukkan peratusan yang lebih rendah (63%) berbanding B (72%).

Apabila ibu bapa masih hidup, Konfusius mahukan anak-anak mengingati hari jadi ibu bapa (父 母 之 年, 不 可 不 知 也) (*Lunyu*: 4.21); apabila ibu bapa sudah meninggal dunia, anak-anak perlu juga mengingati tarikh mati mereka kerana ajaran keluarga mengatakan: “Melayani orang yang telah meninggal dunia sama seperti bila mereka masih hidup.” (事 死 者, 如 事 生。) (Li Yuxiu, *Dizigui*)

Demikian juga dengan penyembahan nenek moyang pada tarikh mati mereka (S30), adakah ia dipandang hal yang penting untuk responden? Keputusan soal selidik menunjukkan kedua-dua kategori K dan B menganggapnya penting (81.5% bagi

K dan 84% bagi B) tetapi sampai kepada perlaksanaan, K yang melakukannya ialah sebanyak 61.1% sahaja manakala B lebih tinggi iaitu 72%.

Seterusnya, S41 menyentuh bahawa oleh kerana adat begitu penting bagi masyarakat Cina tradisi, dengan itu dari adat penyembahan nenek moyang (死, 祭之以礼) (*Lunyu*: 2.5), adat perkahwinan (婚庆大典, 尽礼而已) (*Zupu Jiaxun Jicui*: “Zheng Lijie” “正礼节” [Membetulkan Adat]) sehingga adat kematian (丧尽礼) (*Li Yuxiu*, *Dizigui*), semuanya perlu dijalankan berdasarkan adat yang sedia ada tanpa sebarang pindaan secara sewenang-wenangnya.

Orang zaman ini memang kurang berminat dengan perihal adat yang rumit dan kompleks. Keputusan soal selidik menunjukkan responden K memberi peratusan kepentingan yang agak rendah iaitu 66.6% manakala responden B memberi peratusan kepentingan yang lebih rendah lagi iaitu 56%.

Didapati adat tradisi yang dipraktikkan pada zaman dulu banyak merujuk kepada Tiga Adat (Sanli 三礼) iaitu *Zhouli*, *Yili* 仪礼 (Adat Istiadat) dan *Liji*. Dalam ketiga-tiga buah buku ini, suatu sistem adat yang kompleks, lengkap dan terperinci telah diuraikan untuk diikuti oleh semua lapisan masyarakat Cina tradisi.

Menurut responden Cheah Phee Thiam, walaupun beliau dilahirkan di dalam sebuah keluarga yang berlatar belakang pendidikan Inggeris, tetapi perlaksanaan adat amat dipandang penting oleh ahli-ahli keluarganya. Contohnya, menjalani upacara pengebumian dan upacara perkahwinan secara besar-besaran dan mengikuti atau melakukan setiap langkah yang dikehendaki oleh adat tersebut.

Walau bagaimanapun, sampai hari ini, Cheah Phee Thiam dengan tegasnya mengatakan bahawa beliau tidak lagi memandang penting terhadap “adat” berbanding dengan masa mudanya dahulu. Kini, adat yang masih diikutinya ialah adat penyembahan kepada nenek moyang, bagi adat yang lain, beliau memang bersetuju untuk mempermudahkan adat-adat seperti adat perkahwinan, adat pengebumian dan lain-lain lagi¹⁴².

5.2.4 Kedudukan Wanita dan Autoriti Lelaki

Adakah keutamaan pihak lelaki yang sentiasa diagung-agungkan pada zaman tradisi mengalami perubahannya pada zaman moden ini? Pada masa dahulu, anak lelaki (terutamanya anak lelaki sulung) amat penting untuk meneruskan kesinambungan keturunan sesebuah keluarga. Dengan itu, adalah menjadi satu fenomena yang biasa bagi ibu bapa yang tua untuk tinggal bersama anak lelaki terutamanya anak lelaki sulung.

Pada asalnya, anak lelaki sulung menduduki tempat yang terpenting antara semua adik-beradik dalam sesebuah keluarga. Mereka biasanya dihormati dan dipatuhi oleh adik-beradik yang lain. Mereka dikehendaki berperanan sebagai ketua keluarga iaitu mengambil alih tugas bapa bila bapa mereka meninggal dunia (长兄如父).

¹⁴² Temubual dengan Cheah Phee Thiam dijalankan pada 5 Februari 1998, jam 3 petang di rumahnya di Kampung Cina.

Akan tetapi, pada zaman dinasti Ming dan Qing, kedudukan anak lelaki sulung menjadi kurang berpengaruh (Li Xiaodong, 1986: 83-84) kerana kuasa monopolinya terutama dalam aspek ekonomi keluarga dan harta pusaka keluarga telah tidak wujud lagi. Kedudukan anak-anak lelaki yang lain telah meningkat dan mempunyai taraf yang sama dengan anak lelaki sulung bila pembahagian hartanah keluarga dijalankan.

S31 memberi pernyataan bahawa antara anak lelaki dengan anak perempuan, ibu bapa memilih untuk tinggal bersama anak lelaki sulung. Keputusan menunjukkan peratusan kepentingan yang diberi oleh responden amat rendah sekali (31.5% bagi K dan 40% bagi B). Hal ini menunjukkan kedudukan anak sulung lelaki sememangnya tiada apa-apa keistimewaan tetapi sama dengan anak-anak yang lain.

Pada masa dahulu, ibu bapa tinggal bersama anak lelaki sulung dipandang sebagai satu kemestian, tetapi hari ini, ada antara responden yang rela tinggal bersama anak perempuan kerana dikatakan mereka lebih menuruti kata-kata ibu bapa. Dari segi perlaksanaan, peratusan X agak tinggi, iaitu lebih kurang 50% daripada responden belum menghadapi keadaan memilih tersebut. Hal ini menyebabkan peratusan perlaksanaan amat rendah sekali iaitu 20.4% bagi K dan 28% bagi B.

Memandangkan anak lelaki tidak lagi mendapat kedudukan yang istimewa dalam keluarga, maka adakah golongan lelaki masih mempunyai autoriti yang tinggi dalam membuat keputusan bagi hal-hal yang penting dalam keluarga? S32 meninjau hal ini dan keputusannya, peratusan kepentingan K ialah 48.2% manakala B juga memberi peratusan yang hampir sama iaitu 50%. Ini bererti suara golongan lelaki hari ini tidak lagi sekuat masa dahulu. Begitu juga dengan kepatuhan kepada orang yang berautoriti dalam keluarga (S43). Didapati responden tidak memandangnya sebagai

perkara yang penting kerana peratusan yang diberi oleh K hanya 51.9% dan B ialah 58%.

Pada masa dahulu, wanita sentiasa dikongkongi oleh kata-kata seperti berikut, iaitu seperti apa yang disebut oleh S33: “Sebelum berkahwin patuh kepada kata-kata bapa; setelah berkahwin patuh kepada kata-kata suami.” Salah seorang responden B yang berusia 70 tahun menyatakan kepatuhan kepada bapa, suami dan anak lelaki sulung dipanggil Tiga Kepatuhan bagi zaman mereka, baginya kepatuhan ini memaparkan ciri-ciri orang Cina, jadi sebagai wanita, beliau sanggup menerimanya.¹⁴³

Tiga Kepatuhan ertinya kepatuhan kepada bapa, kepatuhan kepada suami dan kepatuhan kepada anak lelaki sulung (何谓三从, 从父、从夫、从子。) (*Youxue Gushi Qionglin*: “Nuzi” “女子”). Peratusan kepentingan yang diberi lebih tinggi bagi K, iaitu 66.7% tetapi B memberi 52% sahaja. Di bawah pengaruh X sebanyak 34.6%, peratus perlaksanaan K ialah 40.8% dan B 30%. Bagi sesetengah responden, dikatakan nilai-nilai tradisi ini harus disingkirkan kerana ramai wanita dahulu sengsara dikongkongi oleh kata-kata tersebut.

Dalam sistem masyarakat Cina yang berpusatkan kaum lelaki, seseorang wanita setelah berkahwin perlu meletakkan nama keturunan suaminya di depan namanya sendiri untuk menunjukkan kepatuhan dan penghormatan kepada suaminya (Luo Shijin, 1994: 118).

¹⁴³ Pertemuan dengan perempuan tua yang banyak memberi senyuman mesra ini diadakan di rumahnya di Kampung Cina pada 6 Februari 1998, jam 6 petang iaitu semasa pengendalian aktiviti soal selidik dijalankan. Perempuan tua ini tinggal bersama anak sulungnya yang telah berkahwin dan beranak dua. Perempuan tua ini berasa dirinya amat bertuah sekali kerana walaupun anaknya mengambil seorang isteri yang berpendidikan Inggeris, tetapi mereka sangat

Di Kampung Cina, penggunaan nama keturunan suami secara umumnya boleh diperhatikan pada dua tempat, iaitu catatan di atas batu nisan dan catatan di atas papan nenek moyang untuk seseorang isteri yang telah meninggal dunia. Sebagai contoh, seorang isteri yang mempunyai nama keturunan Tan tetapi dikahwinkan ke dalam keluarga Gan, maka catatan di batu nisan dan papan nenek moyang akan ditulis dengan Yanmen Chenshi 颜门陈氏 (Keluarga Gan. Perempuan Tan) yang bererti “perempuan berketurunan Tan daripada keluarga Gan” .

Selain itu, dikatakan wanita Cina sentiasa mengambil nama keturunan suami sebagai gelaran diri setelah mereka kahwin. Sebagai contoh, seseorang perempuan jika dikahwinkan dengan lelaki yang nama keturunannya Lim, maka beliau akan digelar Mrs. Lim atau Lin taitai (林太太). Di Kampung Cina, hal ini dianggap kurang penting iaitu S34 menunjukkan peratusan pentingnya sebanyak 55.5% bagi K dan B 60% sahaja. Dalam kehidupan sebenar mereka, mereka yang menggunakan cara ini ialah 38.9% bagi K dan 42% bagi B dengan adanya X sebanyak 31.7% bagi keseluruhannya.

S35 menyentuh tentang kesinambungan keturunan. Soalan yang berbunyi “melahirkan anak untuk menyambung keturunan zuriat nenek moyang” merupakan soalan terakhir bagi bahagian ini. Kata-kata Mengzi bahawa “terdapatnya tiga perkara menunjukkan seseorang anak itu tidak berbakti kepada ibu bapanya, ketiadaan keturunan ialah perkara yang terbesar.” (*Mengzi*: 7.26)

Ini bererti orang dahulu memang pentingkan kesinambungan keturunan, sebenarnya apa yang lebih tepat ialah penekanan kepada anak lelaki terutamanya

u hao (dialek Hokkien) iaitu amat taat (*xiao*) terhadapnya. Beliau berasa gembira dengan kehidupan tiga generasi ini.

anak lelaki sulung. Dalam keluarga Wee Chai, penyambungan zuriat anak lelaki sulung begitu penting sekali sehingga jika seseorang anak sulung meninggal dunia terlebih dahulu daripada bapanya, maka segala tanggungjawab anak sulung yang meninggal dunia ini akan diwarisi oleh anak sulung kepada si mati ini dan bukannya adik-beradik lelaki si mati yang lain.

Jika si mati ini belum berkahwin atau belum mempunyai anak lelaki sulung semasa beliau meninggal dunia, maka anak angkat perlu diambil daripada “orang sendiri” atau “orang luar” agar anak angkat sulung kepada si mati ini dapat menguruskan upacara kematian dan upacara pengebumian bagi datuknya bila datuknya meninggal dunia.

Dalam hal ini, anak sulung kepada si mati ini digelar *Chengzhongsun* 承重孙 yang ertiaya “cucu yang memikul tanggungjawab yang berat dalam upacara kematian datuk dan neneknya” . Didapati namanya biasa akan mendahului nama-nama kesemua bapa saudaranya di batu nisan serta papan nenek moyang datuk atau neneknya (sila lihat Lampiran 2.1.5, 2.1.13, 2.1.17 dan 2.1.20). Dalam hal ini, keluarga Wee Mek Nui boleh dijadikan contoh iaitu apabila Wee Mek Nui meninggal dunia, Cheah Eng Chong menjadi *Chengzhongsun* kerana bapanya Cheah Cheng Hooi telah meninggal dunia lebih awal daripada ibu Cheng Hooi iaitu Mek Nui.

Setelah melihat reaksi responden dalam menjawab soalan-soalan sebelum ini, dengan itu, seperti yang dijangkakan, konsep kesinambungan keturunan tidak lagi mendapat hati orang pada zaman ini. Pemikiran orang Cina ini dapat dilihat daripada keputusan soal selidik di mana K hanya mencapai 50% peratusan penting sahaja; bagi B, peratusan pentingnya sedikit di luar jangkaan iaitu setinggi 70%, ini bererti beza peratus antara K dengan B sebanyak 20%.

Dalam pada itu, walaupun ada responden yang berpendapat tujuan melahirkan anak bukan untuk kesinambungan keturunan zuriat nenek moyang, tetapi dalam hati mereka, ramai yang masih berharap agar boleh melahirkan sekurang-kurangnya seorang anak lelaki. Bertanya tentang sebabnya, jawapan mereka ialah “tidak tahu”. Sebenarnya ramai yang masih berfikiran tradisi, iaitu berpendapat bahawa adanya anak lelaki lebih menjamin masa depan mereka bila tua nanti berbanding anak perempuan. Ini kerana apabila anak perempuan berkahwin nanti, mereka akan menjadi milik orang lain dan biasanya anak perempuan lebih sukar untuk menjalani tanggungjawab memelihara ibu bapa secara sepenuhnya.

5.2.5 Lain-lain Nilai Etika

Bahagian ini memberi tumpuan kepada beberapa nilai etika yang lain dalam pemikiran Konfusianisme yang belum dibincang sebelum ini. Didapati nilai etika yang boleh menyempurnakan personaliti seseorang dipandang amat penting oleh responden seperti S36, S38, S40 dan S44.

S36 menyarankan seseorang itu perlu sentiasa kawal diri sendiri agar semua percakapan dan tingkah lakunya sesuai dengan adat (克己复礼) (*Lunyu*: 12.1). Hal ini amat penting sekali kerana bagi Konfusius, sesiapa yang dapat melakukannya dianggap telah mencapai tahap berperikemanusiaan (*ren*).

Bagi Konfusius, cara untuk mencapai tahap perikemanusiaan ini ialah mengelakkan diri daripada semua hal yang tidak mematuhi kepada adat dan tatasusila (非礼勿视, 非礼勿听, 非礼勿言, 非礼勿动。) (*Lunyu*: 12.1). Di samping itu,

cara yang lain disarankan iaitu menggunakan prinsip kebenaran untuk mengatasi “diri” yang hanya menjaga kepentingan diri (克己要当以理义战退私己) (Xin Hua, 1995: 201).

Jadi, untuk kawal tingkah laku diri sendiri, seseorang itu perlu memiliki nilai-nilai etika yang kuat, dengan itu, barulah kejayaan diri boleh tercapai (克己者必有刚强壮健之德乃胜己) (Xin Hua, 1995: 201). Seseorang setelah dapat kawal tingkah laku dirinya, maka hati mementingkan diri akan dibuang, justeru itu, secara automatiknya, seseorang itu akan kembalikan diri kepada adat (克己则私心去，自然能复礼。) (Xin Hua, 1995: 201).

Bagi responden di Kampung Cina, adakah kawalan diri sendiri itu dipandang penting? Jawapan memang jelas sekali di mana mereka menyokong dengan peratusan kepentingan yang amat tinggi iaitu 94.4% bagi K dan 92% bagi B. Ekorannya, peratusan perlaksanaannya juga lebih tinggi iaitu 77.8% bagi K dan 74% bagi B.

Dari segi melayani kawan-kawan, pemikiran Konfusianisme mahukan seseorang itu melakukannya berdasarkan nilai kewajaran (*yi*). *Yi* pada amnya merujuk pemikiran dan tingkah laku manusia yang patut, wajar, adil dan menuruti kehendak etika dalam sesebuah masyarakat (Li Chunqiu, 1993: 44).

Di sebaliknya, jika seseorang itu sentiasa menjalankan hal-hal yang tidak patut dan tidak wajar, maka suatu hari nanti, orang ini sudah pasti akan menghapuskan diri sendiri (多行不义必自毙) (*Zuozhuan* 左传 [Biografi Zaman Chunqiu oleh Pengarang Zuo]) : “Yingong Yuannian” “隱公元年” [Tahun Pertama Yingong]).

Bagi S37, peratusan kepentingan yang berkisar pada 77.7% bagi K dan 74% bagi B menandakan nilai kewajaran (*yi*) itu dihayati secara sederhana sahaja oleh responden. Dari segi pengamalannya, K 61.1% dan B 52%.

S38 menyoal tentang sikap seseorang yang sanggup menahan kepahitan (keku 刻 苦) dan sanggup bekerja kuat (*nailao* 爪 劳) untuk sesuatu. Mengzi berpendapat orang yang berkebolehan terutamanya akan diuji ketahanan hatinya dalam menghadapi kepahitan dan kesengsaraan hidup iaitu anggota badannya akan dilemahkan, perutnya mengalami kelaparan, hidupnya berada dalam kemiskinan dan sebagainya (故天将降大任于是人也，必先苦其心志，劳其筋骨，饿其体肤，空乏其身。) (*Mengzi*: 12.15).

Didapati responden amat bersetuju dengan semangat menahan kepahitan dan kesengsaraan hidup, peratusan pentingnya mencapai 92.6% bagi K dan 90% bagi B. Walau bagaimanapun, apabila sampai ke tahap perlaksanaan, mereka yang berpendapat mereka telah melakukannya ialah 77.8% bagi K dan 70% bagi B.

Dari segi membala budi baik seseorang itu, keputusan S39 memperlihatkan hal ini penting dalam masyarakat Kampung Cina (K 81.5% dan B 80%) kerana tatasusila “saling membala antara satu sama lain” (礼 尚 往 来) (*Liji*: “Quli [Shang]” “曲 礼 上” [Bahagian Pertama Adat]) sudah lama dipraktikkan di Kampung Cina.

Sesuatu yang diberi tanpa mendapat balasan tidak boleh dianggap sebagai bertatasusila; di sebaliknya, sesuatu yang diterima tetapi tidak dibalas juga bukannya tatasusila (往 而 不 来，非 礼 也；来 而 不 往，亦 非 礼 也。) (*Liji*: “Quli [Bahagian Atas]”). Akan tetapi untuk membala budi seseorang bukanlah senang, didapati

hanya 61.1% K dan 66% bagi B dapat melakukannya. Jelasnya, nilai yang dipandang penting tidak semestinya dapat diamalkan seperti apa yang diharapkan (Lin Anhong, 1992: 1).

S40 bertanyakan kepentingan sikap kesederhanaan iaitu *zhongyong* 中庸 dalam kehidupan seseorang. Bagi S40, peratusan kepentingan K mencapai setinggi 92.6% dan B 94% bererti responden amat menyetujui kepentingan sikap sederhana. *Zhongyong* sering digelar *the Golden Mean*,¹⁴⁴ pada asasnya, ia merujuk “*a middle of the road attitude toward life, a denial of extremes in the negative or the positive, and plea for moderation.*” (Wu Guanghua, 1997: 2077)

Bagi Konfusius, sifat kesederhanaan (*zhongyong*) ialah nilai etika yang tinggi sekali (中庸之为德也，其至矣乎。) (*Lunyu*: 6.29). “*Zhong*” (中) ertinya “tengah”, iaitu tidak condong ke kiri atau ke kanan; “*yong*” (庸) pula bererti “kebiasaan atau tidak berubah” (不偏之谓中，不易之谓庸。) (*Xin Hua*, 1995: 187). Bagi pemikiran Konfusianisme, “tengah” ialah jalan yang benar di dalam dunia ini; “kebiasaan” pula ialah prinsip yang tidak berubah di dalam dunia ini (中者，天下之正道；庸者，天下之定理。) (*Xin Hua*, 1995: 187).

¹⁴⁴ Dalam falsafah Barat Klasik, rangkaikata *the Golden Mean* itu hanya digunakan untuk menunjukkan satu prinsip Aristotle yang disampaikan melalui sebuah karya beliau bertajuk *Nicomachean Ethics*. Bagi Aristotle, *the Golden Mean* merujuk khasnya kepada kesederhanaan dan imbangan dalam nafsu dan perasaan manusia untuk mencapai kebaikan-kebaikan moral yang tertentu. Contoh yang diberi ialah berkenaan pencapaian kebaikan moral bagi nilai “keberanian”, iaitu seorang yang berani tidak akan mempunyai perasaan keyakinan diri yang berlebihan, ataupun perasaan takut yang berlebihan. Seseorang jika mempunyai perasaan ketakutan secara berlebihan, maka ia adalah penakut; seseorang jika mempunyai keyakinan yang berlebihan, maka ia semestinya seorang yang sangat gopoh. Jadi seorang yang berani akan mempunyai perasaan yakin secara sederhana dan perasaan takut secara sederhana (Lok Chong Hoe, 1998: 25).

Pemikiran Konfusianisme menyarankan kelakuan seseorang yang keterlaluan sama dengan kelakuan yang kekurangan (过犹不及) (*Lunyu*: 11.16) masing-masing tidak menepati kehendak kesederhanaan. Konfusius mengambil contoh dua orang anak muridnya iaitu Zizhang 子张 dan Zixia untuk menjelaskan pendiriannya.

Zizhang bijak tetapi bersikap gopoh, jadi apa yang dilakukan sentiasa keterlaluan iaitu bertindak melebihi daripada apa yang sepatutnya (过); Zixia pula kurang bijak tetapi sikapnya yang bertindak perlahan-lahan menyebabkan banyak hal dilakukan dengan serba kekurangan (不及). Konfusius berpendapat kedua-dua sikap ini mempunyai kelemahan yang sama.

Contoh lain juga disebut oleh Konfusius iaitu bila bergembira jangan berlebihan, begitu juga bila sedih jangan berlebihan (乐而不淫，哀而不伤。) (*Lunyu*: 3.20). Akan tetapi dalam kehidupan realiti, didapati sifat kesederhanaan agak sukar diamalkan kerana peratusan perlaksanaannya agak rendah secara relatifnya dengan peratusan kepentingan iaitu 68.5% bagi K dan 66% bagi B sahaja.

S44 yang berkehendakkan seseorang berusaha gigih (*jiji 积极*) untuk mengejar kemajuan diri mendapat sambutan yang amat baik di mana peratusan kepentingan K mencapai 100% dan B mencapai 96%. Dari segi perlaksanaan, peratusannya juga lebih tinggi iaitu 81.5% bagi K dan 72% bagi B. Orang Cina memang terkenal dengan sikap kegigihan mereka yang tidak mudah dikalahkan demi mencapai matlamat kejayaan.

Sebagai kesimpulannya, budaya Cina keseluruhannya masih berteraskan pemikiran Konfusianisme dan pemikiran Konfusianisme pula mendirikan asasnya pada pemikiran etikanya. Pemikiran etika Konfusianisme berkisar terutamanya pada nilai-

nilai kekeluargaan seperti berbakti (*xiao*) kepada ibu bapa dan menghormati saudara tua (*ti*) di mana konsep berbakti (*xiao*) merujuk hubungan etika bagi anak-anak kepada ibu bapa secara menegak iaitu dari atas ke bawah; manakala *ti* menekankan hubungan etika antara adik-beradik yang secara mendatar iaitu dari kiri ke kanan.

Dalam pada itu, hubungan suami dengan isteri amat penting sekali kerana ia punca kepada hubungan etika bapa dengan anak dan abang dengan adik. Apabila terbentuknya tiga hubungan kekeluargaan ini iaitu apabila hubungan bapa dengan anak, hubungan adik dengan abang dan hubungan suami dengan isteri terjalin baik, dikatakan sesebuah rumah tangga itu telah diurus dengan baik dan akhirnya dunia akan mencapai ketenteraman (父子、兄弟、夫妇各尽其应尽之道，则天下定。) (Yijing: “Jiarengua” “家人卦” [Nujum Ahli Keluarga]).